MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"SESUNGGUHNYA syaitan itu adalah musuh bagi kamu maka perlakukanlah ia sebagai musuh. Ia hanyalah mengajak pengikut-pengikutnya supaya menjadi penghuni neraka yang menyala-nyala".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Faathir, ayat 6.

ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.45 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.45
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 66 | 3 JUN 2026 / 1447 ذوالحجة 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# MEMPERKUKUH PENGURUSAN PERIKANAN MELALUI LARANGAN PUKAT TUNDA MENJELANG 2030

**Oleh: Khartini Hamir**
**Foto: Dk. Nurhafilah Pg. Osman**

**TUNGKU**, Selasa, 2 Jun. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perikanan, dengan kerjasama Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Penyelidikan (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Poni Group Sdn. Bhd, mengadakan Persidangan Ke Arah Melestarikan Lautan: Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan Bagi Masa Depan Biru Negara Brunei Darussalam selama tiga hari, bertempat di Pusat Kesenian Pro-Canselor, UBD, di sini.

>> Muka 3




**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap pada Persidangan Ke Arah Melestarikan Lautan: Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan Bagi Masa Depan Biru Negara Brunei Darussalam.**

## Pelan kebangsaan menetapkan hala tuju negara dalam pertumbuhan digital

**Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Jun. - Majlis Digital Brunei dengan sukacitanya mengumumkan Digital Brunei 2030 : The Digital Brunei Transformation Plan, iaitu pelan kebangsaan yang menetapkan hala tuju negara dalam pertumbuhan digital sehingga tahun 2030.

Pelan induk berkenaan yang disediakan dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bertemakan 'Bersama Ke arah Digital Brunei' (Together Towards a Digital Brunei) menandakan fasa seterusnya dalam perjalanan digital negara.

Pelan berkenaan berhasrat untuk memanfaatkan landasan digital yang telah dibina melalui Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 sebelum ini sebagai sokongan kepada aspirasi Wawasan Brunei 2035.

>> Muka 5

## Majlis Sambutan Adau Gayoh 2026 ketengahkan adat, warisan Dusun

**Oleh : Khartini Hamir**

**TUTONG**, Isnin, 1 Jun. - Majlis Perundingan Kampung Ukong pagi tadi mengadakan Sambutan Adau Gayoh 2026 bertempat di Gelanggang Sukan Kampung Ukong, Tutong, sebagai usaha memelihara dan mengetengahkan adat, budaya serta warisan masyarakat Dusun kepada generasi masa kini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, selaku Penghulu Mukim Ukong berserta isteri, yang seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi Pertandingan Baju Tercantik dan Pertandingan Gulintangan.

Pelbagai aktiviti dan pertandingan berkonsepkan kebudayaan tradisi telah diadakan bagi memeriahkan sambutan tersebut, antaranya Pertandingan Penterjemahan Bahasa Dusun yang bertujuan memperkenalkan serta memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda agar tidak pupus ditelan zaman.

Selain itu, Pertandingan Bermain Gulintangan bagi kategori belia dan beliawanis turut diadakan bagi mengetengahkan permainan tradisional masyarakat Dusun yang memerlukan kemahiran, ketangkasan serta semangat berpasukan dalam kalangan para peserta, malah turut menjadi medium untuk menghidupkan kembali permainan tradisional yang semakin jarang dimainkan dalam kalangan generasi muda masa kini.

>> Muka 5

## 18 anak damit lahir pada HUT ABDB Ke-65

**Oleh : Aimi Sani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Jun. - Seramai 18 orang anak damit telah dilahirkan pada tarikh penuh bersejarah, 31 Mei 2026, bertepatan dengan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (HUT ABDB) Ke-65.

Bagi meraikan kelahiran istimewa tersebut, Majlis Meraikan Kelahiran Anak-anak Damit telah diadakan serentak di hospital-hospital kerajaan di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, 14 orang anak damit telah dilahirkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Bandar Seri Begawan.

Manakala empat orang lagi dilahirkan di Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait. Tiada kelahiran direkodkan di Daerah Tutong dan juga Temburong serta Jerudong Park Medical Centre (JPMC) pada tarikh berkenaan.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



KUALITI kepimpinan penentu masa depan PA
Muka 8




SEMAK kesahihan maklumat sebelum dikongsi
Muka 9




PROGRAM interaktif kenalkan konsep ibadah korban
Muka 11



RENCANA
KESEDARAN sivik platform kesejahteraan awam
Muka 20

# ABDB terus diperkasa melalui transformasi strategik pertahanan negara

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**BERSYUKUR** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas izin-Nya jua dapatlah kita sama-sama hadir pada pagi ini untuk meraikan Upacara Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-65 Tahun.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas beta ucapkan di atas perbarisan yang sangat bermutu sebentar tadi.

Alhamdulillah, ABDB telah banyak mencapai perkembangannya, baik dari segi saiz organisasi mahupun dari segi keupayaannya.

Sehubungan itu, beta mengambil maklum mengenai pelancaran Kertas Putih Pertahanan Kemaskini 2026 (KPPK 2026) oleh Kementerian Pertahanan pada hari ini. Ia adalah satu langkah strategik yang amat signifikan dalam memastikan dasar dan perancangan pertahanan negara terus disesuaikan dengan perkembangan geopolitik serantau dan global.

Selaras dengan hala tuju strategik yang digariskan melalui KPPK 2026 dan Gagasan Angkatan 2035 yang didukung oleh dokumen penting : Force Structure Review, Defence Posture dan Capability Development Plan, beta gembira mengambil maklum bahawa ABDB akan terus berkembang dengan tertubuhnya beberapa unit baharu yang akan meningkatkan lagi kewibawaan dan keupayaan ABDB. Bagi Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), beta telah memperkenankan penubuhan Pusat Latihan Gabungan Tempur (PULGAT) yang menggabungkan kesemua cawangan latihan bagi kompetensi operasi TDDB di bawah satu pemerintahan.

Dalam memperkukuhkan lagi interoperabiliti di peringkat Operasi Khas Bersama yang bersejarah, beta sukacita memperkenankan penubuhan Markas Operasi Khas (Special Operations Command) sebagai Pusat Perintah dan Kawalan yang akan menyelaras operasi khas di antara Rejimen Pasukan Khas (RPK) ABDB selaku pasukan Tier 1 bersama Pasukan Khas Tier 2 di unit-unit ABDB iaitu Pasukan Komando - TDDB, Skuadron Gerak Khas Maritim - Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Khas - Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) yang akan berkuat kuasa mulai pada hari ini.

Selaras dengan pendekatan pertahanan yang komprehensif dari sudut Diplomasi Pertahanan pada tahun ini yang amat signifikan dengan Sambutan Jubli Emas ialah hubungan pertahanan di antara ABDB dengan Angkatan Bersenjata Republik Singapura. Dalam hal ini, beta sukacita mengambil maklum beberapa aktiviti dua hala telah dan akan dilaksanakan secara bersepadu oleh ABDB bersama Angkatan Bersenjata Republik Singapura sebagai acara kemuncak. Pada masa yang sama juga, hubungan pertahanan dengan negara-negara sahabat yang lain baik yang dekat mahupun jauh, beta terus menyarankan untuk sentiasa dipertingkatkan dan diperkukuhkan.

Dari sudut keupayaan ketenteraan pula, baru-baru ini TUDB telah menerima dua buah pesawat angkut C295MW terakhir yang melengkapkan penerimaan sebanyak empat buah pesawat angkut bertepatan dengan menjelangnya Sambutan Jubli Intan Penubuhan TUDB pada bulan Jun tahun ini.

**>> Muka 3**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-65 pada Ahad, 31 Mei 2026, bertempat di Padang Kawad, Pangkalan Tentera Udara Rimba, Tentera Udara Diraja Brunei.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | RABU | 16 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.19 | 3.45 | 6.30 | 7.45 |
| 4 | KHAMIS | 17 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.30 | 7.46 |
| 5 | JUMAAT | 18 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.30 | 7.46 |
| 6 | SABTU | 19 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 |
| 7 | AHAD | 20 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.46 |
| 8 | ISNIN | 21 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 9 | SELASA | 22 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 26 °C | 34 26 °C | 34 26 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 34 26 °C | 34 26 °C |
| Pekan Tutong | 32 26 °C | 34 26 °C | 34 26 °C |
| Kuala Belait | 32 26 °C | 34 26 °C | 34 26 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

**3 JUN 2026**

### Manfaatkan musim cuti sekolah dengan aktiviti berfaedah

**MUSIM** cuti sekolah sering kali dinanti-nantikan oleh para pelajar. Ia merupakan waktu rehat yang berharga daripada kepenatan belajar sepanjang tahun. Namun, tanpa perancangan rapi, cuti yang panjang boleh bertukar menjadi tempoh yang sia-sia apabila dihabiskan dengan perkara seperti tidur berpanjangan atau melayari gajet tanpa kawalan hingga ke subuh. Justeru itu, ibu bapa dan pelajar perlu bijak merancang aktiviti berfaedah agar cuti sekolah memberi impak positif terhadap pembangunan diri anak-anak.

Antara aktiviti yang amat digalakkan ialah mengikuti kelas kemahiran seperti menjahit, memasak, atau seni kraf. Kemahiran seperti ini bukan sahaja mengisi masa lapang, malah memupuk kreativiti dan keyakinan diri. Selain itu, menyertai program motivasi atau bengkel keusahawanan mampu membina semangat berdikari dan minda celik perniagaan. Contohnya, anak-anak boleh belajar membuat kuih atau kraf tangan untuk dijual secara kecil-kecilan. Pengalaman ini pasti menjadi bekalan berguna pada masa hadapan.

Aktiviti berunsur keagamaan dan kerohanian juga penting. Kelas Al-Quran, kem ibadah, ataupun usrah mampu memperkukuh sahsiah diri dan menjauhkan anak-anak daripada gejala negatif. Dalam pada itu, ibu bapa digalakkan membawa anak-anak melawat tempat bersejarah seperti muzium, galeri seni, atau pusat sains. Lawatan ke tempat bersejarah dan muzium boleh menambah pengetahuan anak-anak mengenai warisan negara secara dan memupuk semangat patriotism dalam diri mereka.

Bagi memupuk gaya hidup sihat, aktiviti luar seperti berbasikal, berkhemah, atau bersenam bersama keluarga amat sesuai. Alam semula jadi menjadi medan terbaik untuk merehatkan minda dan mengeratkan hubungan kekeluargaan. Dengan memberi pendedahan kepada alam semula jadi dan alam sekitar, anak-anak akan belajar menghargainya dan dari kecil terbiasa melihat apa yang boleh untuk menjaganya. Anak-anak juga boleh melibatkan diri dalam gotong-royong membersihkan kawasan rumah atau taman permainan. Selain belajar erti tanggungjawab, mereka turut memupuk semangat kerjasama.

Tidak dilupakan, waktu cuti sekolah wajar digunakan untuk membaca buku selain teks. Ibu bapa perlu membawa anak-anak ke perpustakaan atau majlis ilmu atau acara seperti pesta buku bagi memupuk budaya membaca. Aktiviti ini mampu memperkaya perbendaharaan kata dan meningkatkan daya imaginasi. Kesimpulannya, musim cuti sekolah adalah peluang terbaik untuk mencungkil bakat, menambah ilmu, dan membentuk peribadi unggul. Dengan perancangan aktiviti yang berfaedah, cuti sekolah akan meninggalkan kenangan manis dan manfaat jangka panjang. Justeru, elakkan pembaziran masa sebaliknya isilah setiap detik dengan perkara yang membina masa depan gemilang.

**- Ketua Penyuntingan (Nr)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله قرينت فلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Memperkukuh pengurusan perikanan melalui larangan pukat tunda menjelang 2030




YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan majlis perasmian berkenaan.

**Oleh: Khartini Hamir**
**Foto: Dk. Nurhafilah Pg. Osman**

**>> Muka 1**

Persidangan yang berlangsung bermula hari ini hingga hari Khamis, 4 Jun 2026 diadakan bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2026.

Majlis perasmian persidangan tersebut telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Dalam ucapan perasmiannya, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengumumkan mengenai pemberhentian aktiviti kapal pukat tunda yang akan mula dilaksanakan pada 1 Januari 2030.

Alat pukat tunda dikenali pasti sebagai kaedah tidak lestari kerana kesannya terhadap ekosistem marin, termasuk penangkapan berlebihan, tangkapan ikan juvenil dan spesies bukan sasaran, serta kerosakan habitat dasar laut.

Oleh itu tegasnya, langkah ini merupakan usaha penting dan memberi manfaat kepada nelayan-nelayan tempatan, khususnya dalam memastikan pengurusan sumber perikanan yang mampan dan bertanggungjawab, dengan mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan, membolehkan ekosistem marin pulih secara semula jadi, serta memperkukuh jaminan sekuriti makanan negara yang mampan bagi manfaat generasi kini dan akan datang.

Ke arah ini terang Yang Berhormat lagi, Jabatan Perikanan akan terus melaksanakan usaha-usaha dalam membantu pengusaha - pengusaha pukat tunda terjejas, terutama sekali dalam memudahcara peralihan kepada kaedah penangkapan dan alternatif atau bidang akuakultur dan agrimakanan yang lebih lestari.

Sehubungan itu, persidangan ini juga diharap dapat memperkukuhkan kerjasama serantau dan antarabangsa dalam tadbir urus lautan, pemuliharaan biodiversiti marin serta pencegahan aktiviti penangkapan ikan secara tidak sah, tidak dilapor dan tidak dikawal, di samping memudah cara pemindahan teknologi, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti dalam bidang pemantauan lautan, pendigitalan sektor perikanan, penilaian karbon biru dan perancangan ruang marin.

Melalui usaha-usaha ini, persidangan ini juga diharap dapat memupuk inovasi dan merangsang pertumbuhan ekonomi biru yang mampan menerusi amalan akuakultur yang bertanggungjawab, teknologi marin dan amalan industri yang lestari.

Di samping itu, mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam mendukung Matlamat Pembangunan Mampan 14 (SDG 14): Kehidupan di Bawah Air, khususnya dalam pemuliharaan dan penggunaan sumber marin secara mampan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seterusnya merasmikan persidangan berkenaan dan diselajurkan dengan pelancaran buku 'National Coral Reef Monitoring and Management Programme - A Unified Framework for Monitoring, Protecting and Restoring Brunei's Reef Ecosystems'.

Turut hadir ialah Duta-Duta Besar dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi; Setiausaha Tetap KSSUP; Naib Canselor UBD; Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP; Ketua-ketua Jabatan; pegawai kanan Kerajaan; serta wakil daripada kedua-dua organisasi tempatan dan antarabangsa, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik, penyelidik, wakil pihak berkepentingan dan pihak swasta yang berkaitan dan peserta persidangan.

Persidangan dimulakan dengan sesi tematik pertama bertajuk 'Strengthening Climate Resilience Through Ocean Health and the Protection of Marine Life and Habitats' yang dikendalikan oleh Pensyarah Geography, Environment and Development Programme, Faculty of Arts and Social Sciences, UBD, Dr. Izni Azrein bin Noor Azalie, selaku moderator.

Sesi tersebut menampilkan penyertaan ahli-ahli panel dari dalam dan luar negara yang membincangkan usaha memperkukuhkan daya tahan iklim melalui pemeliharaan kesihatan lautan serta perlindungan hidupan dan habitat marin.

Persidangan kemudian diteruskan dengan ucaptama yang disampaikan oleh Principle Research Scientist, Australian Institute of Marine Science (AIMS), Dr. Manuel Alejandro Gonzalez-Rivero.

Ucaptama tersebut menjelaskan mengenai ancaman ke atas terumbu karang yang berpunca daripada faktor semula jadi dan aktiviti manusia, termasuk penangkapan ikan berlebihan, pembangunan kawasan pesisir pantai, pencemaran, dan perubahan iklim.

Jabatan Perikanan telah mengenal pasti terumbu karang sebagai salah satu komponen penting dalam mendukung agenda sekuriti makanan negara, memandangkan ekosistem ini berperanan sebagai habitat, kawasan perlindungan dan pembiakan bagi pelbagai spesies ikan serta hidupan marin yang bernilai kepada sektor perikanan.

Jabatan Perikanan juga telah bekerjasama dengan Kerajaan Australia melalui AIMS bagi melaksanakan projek pemantauan dan pengurusan terumbu karang, yang bertujuan untuk memperkukuh keupayaan teknikal, meningkatkan penggunaan pendekatan berasaskan sains, serta menangani cabaran utama dalam pemantauan ekosistem terumbu karang tempatan, demi memastikan sumber perikanan negara terus terpelihara dan menyumbang kepada sekuriti makanan secara mampan.

Maklumat lanjut mengenai Persidangan Ke Arah Melestarikan Lautan: Inovasi, Tadbir Urus Dan Daya Tahan Bagi Masa Depan Biru Negara Brunei Darussalam bolehlah diperolehi melalui laman sesawang rasmi Jabatan Perikanan di *www.fisheries.gov.bn*, serta media sosial Instagram *@fisheries.brunei*.

## HASRAT NEGARA

**>> Muka 2**

Seterusnya pada penghujung tahun ini, TUDB juga akan menerima *batch* pertama helikopter H-145M yang akan menggantikan pesawat Bolkow BO-105 yang telah dinyahtauliahkan. Manakala pada awal tahun depan, Markas Angkatan Bersama ABDB dijangka akan menauliahkan sistem Command Control, Communications, Computers, Intelligence, Surveillance and Reconnaissance (C4 - ISR) yang ketika ini sedang giat dinaik taraf.

Segala pencapaian ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa adanya dedikasi dan komitmen tinggi di seluruh peringkat kepimpinan. Beta menghargai dan berbangga di atas pencapaian-pencapaian positif ini.

Dalam hubungan ini, beta juga sangat gembira atas kehadiran dan keterlibatan anggota veteran dan Persatuan Bekas Perajurit ABDB (PERWIRA) pada pagi ini yang setentunya menunjukkan semangat dan komitmen berterusan mendukung ABDB ke arah kecemerlangan.

Akhirnya, beta mengucapkan syabas dan tahniah bersempena Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-65 kepada seluruh warga ABDB yang masih berkhidmat dan mereka yang telah bersara sama ada berada di dalam atau sedang bertugas di luar negara. Tidak lupa juga, penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa Sambutan pada tahun ini dan semua yang terlibat dalam menjayakan perbarisan pagi ini. Beta turut mendoakan supaya ABDB akan sentiasa dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# 'FLOW METER' BSP DI LDT PANGKALAN BEKALAN KUALA BELAIT DISAHKAN TEPAT, SAH

**Siaran Akhbar : Unit Sukatan dan Timbangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Jun. - Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah melaksanakan pemeriksaan dan pengujian bacaan ketepatan ke atas tiga unit alat sukatan jenis *flow meter* milik Syarikat Brunei Shell Petroleum (BSP) Sendirian Berhad yang bertempat di LDT Pangkalan Bekalan Kuala Belait, Daerah Belait.

Hasil pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan alat sukatan jenis *flow meter* berkenaan adalah sah, tepat serta berdaftar dengan Unit SDT selaras dengan peruntukan di bawah Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151 serta Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994 di bawah seksyen 3(1) dan 3(2).

Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan (Penelitian) Alat-Alat Sukatan dan Timbangan 1994, khususnya di bawah seksyen 3(2), yang memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang menggunakan atau memiliki bagi tujuan perdagangan sebarang timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan adalah melakukan suatu kesalahan.

Jika sabit kesalahan, individu berkenaan boleh dikenakan denda tidak melebihi BND1,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu, timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang tersebut juga boleh dirampas dan sebarang kontrak, urusan jual beli atau transaksi perdagangan yang dibuat menggunakan alat berkenaan adalah dianggap tidak sah.

Syarikat atau pihak yang berhasrat untuk mendaftarkan alat sukatan dan timbangan boleh hadir secara terus atau menghubungi Unit SDT melalui maklumat berikut, bagi Daerah Brunei dan Muara, urusan pendaftaran boleh dilakukan di Bangunan IBE, B6, Simpang 32-66, Kampung Anggerek Desa, Jalan Berakas, atau melalui talian +673 238 3142.

Di Daerah Tutong, pihak yang berminat boleh hadir ke Rumah Kelas C, PWD No. 380, Jalan Sungai Basong, Tutong, atau menghubungi talian +673 422 1516.

Sementara itu, bagi Daerah Belait, alamat yang dituju adalah No. 330, Simpang 27, Jalan Maulana, Kuala Belait, dengan talian +673 333 1523.

Manakala untuk Daerah Temburong, urusan boleh dilakukan di Aras Bawah, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Daerah Temburong, atau melalui talian +673 522 1469.

# KUNJUNGAN SILATURAHIM ERATKAN KERJASAMA MASYARAKAT KAMPUNG



YANG Berhormat Mufti Kerajaan selaku Penaung Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mulaut dan Penaung Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut semasa menerima kunjungan silaturahim di kediaman Yang Berhormat Mufti Kerajaan, Kampung Mulaut dalam suasana penuh mesra dan ukhuwah (atas dan kanan).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Awang Haji Abu Bakar Haji Mohd. Don



**MULAUT**, Isnin, 1 Jun. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, selaku Penaung Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mulaut dan Penaung Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut, telah menerima kunjungan silaturahim daripada rombongan Ketua Kampung Mulaut, Timbalan Pengerusi MPK dan Takmir Masjid, Jemaah Penasihat serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis Bersilaturahim sempena Hari Raya Aidiladha berkenaan telah berlangsung di kediaman Mufti Kerajaan di Kampung Mulaut dalam suasana penuh mesra dan ukhuwah.

Majlis seumpama itu merupakan salah satu syiar Islam yang bertujuan mengukuhkan hubungan silaturahim serta mempererat semangat kerjasama antara pimpinan MPK dan Jawatankuasa Takmir Masjid dalam usaha membangunkan Kampung Mulaut serta terus mengimarahkan masjid.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Mufti Kerajaan menasihatkan ahli-ahli MPK dan Jawatankuasa Takmir Masjid agar terus bersatu padu serta berusaha mencari pendekatan terbaik bagi merealisasikan rancangan Satu Kampung Satu Produk yang pernah dibincangkan sejak awal tahun 1990-an ketika beliau masih bergiat sebagai ahli MPK.

Beliau berharap ketua kampung, ahli-ahli MPK serta seluruh penduduk Kampung Mulaut dapat berganding bahu untuk menjayakan inisiatif tersebut demi meningkatkan kesejahteraan dan kemajuan kampung.

Yang Berhormat turut menekankan bahawa Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut, perlu dipenuhi dengan pelbagai program dan aktiviti yang bermanfaat, bukan sekadar menjadi tempat menunaikan solat Jumaat dan solat fardu lima waktu.

Menurut beliau, pegawai dan imam-imam masjid merupakan penggerak utama dalam usaha tersebut dengan sokongan padu daripada Jawatankuasa Takmir Masjid.

Sehubungan itu, beliau mengesyorkan agar pelbagai program keagamaan dan pembangunan sahsiah diadakan untuk manfaat generasi muda kampung, termasuk kelas membaca Al-Quran, pembelajaran tajwid, hafazan surah-surah Al-Quran, bimbingan dakwah serta aktiviti lain.

Sementara itu, Ketua Kampung Mulaut, Awang Hamizan bin Haji Mustapa, dalam ucapan balasnya melahirkan rasa syukur atas peluang untuk bersilaturahim bersama Yang Berhormat dan isteri serta ahli keluarga dalam suasana sambutan Hari Raya Aidiladha.

Beliau turut merakamkan penghargaan dan terima kasih atas segala nasihat yang disampaikan serta menyatakan komitmen MPK dan Jawatankuasa Takmir Masjid untuk meneliti dan mempertimbangkan sebaik-baiknya cadangan yang dikemukakan demi kemaslahatan bersama dan kemajuan penduduk Kampung Mulaut.

Majlis tersebut bukan sahaja menjadi wadah mengukuhkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat setempat, malah turut menjadi platform untuk bertukar pandangan serta merancang pelbagai usaha yang dapat menyumbang kepada pembangunan Kampung Mulaut secara berterusan.

# Produk kesihatan dicemari bahan terlarang



PRODUK kesihatan Golden Dragon Yangyin Yifei Hua Tan Dan, dengan pengilang beralamat 10/G, Lincoin House, Taikoo Place, 979 King's Road, Quarry Bay, Hong Kong, dicemari dengan Promethazine.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan produk kesihatan iaitu Golden Dragon Yangyin Yifei Hua Tan Dan, dengan pengilang beralamat 10/G, Lincoin House, Taikoo Place, 979 King's Road, Quarry Bay, Hong Kong. Produk tersebut dicemari dengan Promethazine.

Berdasarkan hasil laporan ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk berkenaan mengandungi bahan aktif farmaseutikal yang tidak diisytiharkan, yang dikawal di bawah Akta Ubat Penggal 285 dan tidak dibenarkan dalam Produk Kesihatan.

Penggunaan bahan-bahan ini tanpa pemantauan perubatan, boleh menyebabkan kesan mudarat yang membahayakan kesihatan, terutamanya jika diambil secara berterusan.

Promethazine adalah sejenis antihistamin yang digunakan untuk rawatan mabuk perjalanan, gejala-gejala alahan, loya dan muntah. Kesan sampingan promethazine termasuk kekeliruan, penglihatan kabur, mengantuk dan mulut kering.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk tersebut.

Sehubungan dengan dapatan ini, produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta-merta.

Jika mereka mengalami kesan sampingan dan merasa tidak sihat selepas memakan produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai dinasihatkan agar mendapatkan nasihat daripada doktor atau pegawai farmasi sebelum mengambil sebarang produk kesihatan.

Elakkan daripada membeli atau menggunakan produk dari sumber yang tidak diketahui, khususnya melalui platform dalam talian.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk meneliti setiap tuntutan produk dengan berwaspada, terutamanya produk yang mendakwa memberi kesan segera atau 'tiada kesan sampingan'.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara dalam talian seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia menjadi satu kesalahan di bawah Akta Ubat, Penggal 285 untuk menjual produk berkenaan yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah akta berkenaan tanpa lesen yang berkenaan dan denda kompaun boleh dikenakan.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan jika sekiranya mendapati produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini atau mana-mana produk lain yang diragui kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

Kementerian Kesihatan akan terus menjalankan pemantauan secara berterusan dan keselamatan orang ramai adalah menjadi keutamaan.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada *pharmacy.enforcement@moh.gov.bn*; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.



# MAJLIS SAMBUTAN ADAU GAYOH 2026 KETENGAHKAN ADAT, WARISAN DUSUN








**YANG Berhormat Ahli Mesyuarat Negara, Penghulu Mukim Ukong berserta isteri hadir selaku tetamu kehormat (kiri). Sementara gambar bawah kiri dan kanan, sekitar Sambutan Adau Gayoh 2026.**

**>> Muka 1**

Sambutan Adau Gayoh tersebut bukan sahaja menjadi platform bagi mengetengahkan keunikan budaya masyarakat Dusun, malah turut menggalakkan penglibatan belia dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebudayaan.

Acara berkenaan juga antara lain memberi peluang kepada orang ramai untuk mengenali dengan lebih dekat adat resam, permainan tradisional serta nilai warisan yang menjadi identiti masyarakat setempat.

Melalui penganjuran acara seumpama ini, pihak penganjur berharap warisan budaya masyarakat Dusun akan terus dipelihara dan diwariskan kepada generasi akan datang, di samping mengukuhkan semangat perpaduan, kerjasama dan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung dan masyarakat sekitar.

# Pelan kebangsaan menetapkan hala tuju negara dalam pertumbuhan digital

**>> Muka 1**

Digital Brunei 2030 merangkumi empat strategi, iaitu Strategi Kerajaan Digital (Government Strategy); Strategi Masyarakat Digital (Digital Society Strategy); Strategi Perniagaan Digital (Digital Business Strategy); serta strategi merentas sektor Strategi Data dan Kecerdasan Buatan (Data and Artificial Intelligence Strategy).

Rangka kerja baharu berkenaan dibangunkan melalui proses konsultatif, termasuk Bengkel Transformasi Digital Brunei yang diadakan pada 25 Ogos 2025 yang menghimpunkan wakil-wakil kementerian dan agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat yang memainkan peranan penting dalam pembangunan digital negara.

Pelan induk yang baharu berkenaan mencerminkan peralihan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memastikan pelaburan digital yang lebih menghasilkan impak yang nyata dan mampan kepada ekonomi, kerajaan dan masyarakat.

Ia menekankan penyelarasan antara kementerian dan agensi, di antara sektor awam dan swasta, serta di antara hasrat dasar dan pelaksanaannya bagi meningkatkan keselarasan, meningkatkan kecekapan, dan memastikan inisiatif digital saling mengukuhkan dan tidak bertindih antara satu sama lain.

Penyediaan pelan berkenaan bertepatan pada masa asas digital NBD telah pun terbentuk dengan kukuh. Pada dekad yang lalu, NBD telah pun memasang sepanjang 6,000 kilometer *fibre optic cable*, memperluaskan liputan mudah alih daripada 80 peratus kepada 96 peratus, dan menyediakan rangkaian 5G di seluruh negara.

BruneiID yang dilancarkan pada Januari 2026 telah mula membolehkan akses kepada perkhidmatan kerajaan menerusi satu log masuk tunggal yang selamat, manakala hab pembayaran digital 'Tarus' terus memproses transaksi sejak beroperasi pada Mac 2025.

Ketersambungan kini bukan lagi menjadi kekangan kepada aspirasi kemajuan negara, malah ia merupakan satu aset nasional. Rakyat NBD juga telah membuktikan keupayaan serta keyakinan untuk memanfaatkan apa yang dirancang seterusnya.

Digital Brunei 2030 akan direalisasikan menerusi pelaksanaan beberapa projek kebangsaan sehingga 2030. Ini termasuklah Gov.BN SuperApp and Citizen Portal, National Business Services Portal, peningkatan pelaksanaan BruneiID dan Digital Payments, pembangunan AI-Capable Data Centre, pelaksanaan National Sovereign Cloud dengan keupayaan pengkomputeran AI, serta sebuah National Large Language Model yang berasaskan konteks NBD.




**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

Pengerusi Bersama Majlis Digital Brunei, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha telah menegaskan bahawa fasa seterusnya lebih fokus kepada impak dan hasil yang dirasai dan bukan sekadar penyediaan prasarana.

Transformasi digital di bawah pelan induk yang baharu berkenaan perlu menyumbang kepada peningkatan produktiviti, kos transaksi yang lebih rendah, kualiti perkhidmatan yang lebih baik, dan persekitaran yang lebih kondusif kepada perusahaan dan pelaburan, di samping menyokong kemampanan fiskal. Ini boleh dicapai menerusi kebolehoperasian serta pelaburan berdisiplin dalam asas digital yang dikongsi bersama.

Transformasi yang berimpak memerlukan lebih daripada sekadar teknologi. Ia menuntut tadbir urus yang kukuh, institusi yang berkeupayaan, dan komitmen yang berterusan terhadap pelaksanaan dalam kerjasama yang erat bersama industri dan penglibatan orang ramai.

Majlis Digital Brunei, yang dinamakan semula daripada Majlis Ekonomi Digital pada Ogos 2024 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan menyelia pelaksanaan Digital Brunei 2030 dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, pihak industri, dan rakan-rakan pelaksana bermula dengan dialog Digital Brunei 2030 yang akan diadakan pada 4 Jun 2026.

Sertailah perjalanan *kitani* ke arah Digital Brunei (Together Towards a Digital Brunei).

Untuk maklumat lanjut mengenai Digital Brunei 2030 dan untuk mendapatkan dokumen pelan induk yang lengkap, sila layari laman sesawang *www.digitalbrunei.bn*.

# BERKONGSI REZEKI, HAYATI PENGORBANAN AIDILADHA



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat menyempurnakan penyerahan agihan daging korban kepada para penerima (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Kerja Takmir Masjid Kampung Putat



**KAMPUNG PUTAT**, Isnin, 1 Jun. - Ahli Jawatankuasa Kerja Takmir (AJKT) Masjid Kampung Putat dengan sokongan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Putat telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha pada 13 Zulhijah 1447 Hijrah bersamaan 31 Mei 2026 Masihi.

Sebanyak lima ekor lembu telah dikorbankan dengan penyertaan seramai 35 peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Baong Putat. Majlis bermula seawal pukul 3.00 pagi dengan pelaksanaan ibadah korban dan penyediaan agihan daging korban secara bergotong-royong.

Majlis tersebut melibatkan kerjasama erat antara AJKT Masjid Kampung Putat, Ahli-ahli Muslimah masjid, MPK serta para belia kampung yang bersama-sama menyumbang tenaga dalam menjayakan aktiviti kemasyarakatan tersebut.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat turut hadir dan menyempurnakan penyerahan agihan daging korban kepada para penerima.

Daging korban telah diagihkan kepada golongan asnaf dan fakir miskin, para peserta korban serta ketua - ketua keluarga penduduk kampung sebagai usaha berkongsi rezeki dan menghayati semangat pengorbanan Aidiladha bersama masyarakat setempat.

Penganjuran majlis secara bergotong-royong ini bukan sahaja bertujuan melaksanakan tuntutan ibadah korban, malah menjadi platform untuk mengeratkan ukhuwah dan silaturahim serta memupuk semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan penduduk Kampung Putat.

# 18 anak damit lahir pada HUT ABDB Ke-65

Oleh : Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



ISTERI Pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini semasa menyempurnakan penyampaian cenderamata di Hospital RIPAS dan seterusnya bergambar ramai bersama para penerima (atas dan atas kanan).



**>> Muka 1**

Sebagai tanda penghargaan dan kenangan sempena Sambutan HUT ABDB Ke-65, setiap anak damit yang dilahirkan pada hari tersebut telah menerima cenderamata sumbangan daripada ABDB dan Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI) serta hamper tajaan daripada syarikat Mothercare.

Penyampaian cenderamata di Hospital RIPAS telah disempurnakan oleh isteri kepada Pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini. Sementara itu, di Hospital SSB, Kuala Belait, penyampaian cenderamata telah disempurnakan oleh isteri kepada Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Pengiran Noor Hafidzah binti Pengiran Haji Ahmad.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut ialah Pegawai-pegawai ABDB, pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan, serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir BAKTI.

Penganjuran majlis tahunan ini bukan sahaja menambahkan kemeriahan Sambutan HUT ABDB Ke-65, malah memperlihatkan nilai keprihatinan, perpaduan dan semangat kekeluargaan yang menjadi tunjang kekuatan warga ABDB.

Sambutan pada tahun ini turut membawa makna istimewa kerana bertepatan dengan ulang tahun Ke-65 penubuhan ABDB, yang terus teguh dalam memperkukuhkan pertahanan negara di samping menyumbang kepada kesejahteraan dan kebajikan masyarakat secara menyeluruh.



# MEMPERKUKUH PENGURUSAN, PEMULIHARAAN SUMBER LAUT SECARA MAMPAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Makan Malam Rasmi dan seterusnya bergambar ramai.**



**PENOLONG Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian) UBD, Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi ketika berucap.**

**KIULAP**, Selasa, 2 Jun. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perikanan, malam tadi menghoskan Majlis Makan Malam Rasmi bagi meraikan para penceramah serta delegasi antarabangsa ke Persidangan Ke Arah Melestarikan Lautan : Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan bagi Masa Depan Biru Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di J Hotel, Kiulap.

Majlis berkenaan mencerminkan penghargaan terhadap kehadiran dan sumbangan para penceramah dalam berkongsi kepakaran, pengalaman dan pandangan strategik ke arah memperkukuh kerjasama serantau dan antarabangsa dalam pemeliharaan serta pengurusan sumber lautan secara mampan.

Majlis yang dianjurkan dengan kerjasama Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD); Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Poni Group Sdn. Bhd.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap di KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, ketua-ketua jabatan, Penolong Naib Canselor UBD, Pengarah IBER, Ketua Eksekutif MPABD, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group Sdn. Bhd., serta ahli akademik, penyelidik dan pegawai dari Jabatan Perikanan.

Sehubungan itu, Persidangan Ke Arah Melestarikan Lautan : Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan bagi Masa Depan Biru NBD berkenaan diadakan sebagai platform untuk memperkukuh pengurusan dan pemuliharaan sumber laut secara mampan melalui pendekatan berasaskan sains, inovasi dan kerjasama strategik.

Tujuan persidangan berkenaan diadakan adalah untuk menyokong rumusan dasar bagi ekosistem marin, memperkukuh tadbir urus dan pemantauan laut, memudah cara pemindahan teknologi serta perkongsian pengetahuan, di samping meningkatkan pembangunan kapasiti dan pengukuhan institusi dalam sektor perikanan.

Selain itu, ia juga diharap dapat menggalakkan inovasi dan pertumbuhan ekonomi mampan melalui penggunaan sumber laut secara bertanggungjawab dan mesra alam.

Persidangan Ke Arah Melestarikan Lautan : Inovasi, Tadbir Urus dan Daya Tahan bagi Masa Depan Biru NBD berkenaan berlangsung dari 2 hingga 4 Jun 2026 bertempat di Pusat Kesenian Pro-Canselor, UBD.

Hasil utama yang diperoleh daripada persidangan berkenaan adalah untuk merangkumi pengukuhan kerjasama serantau dan antarabangsa, peningkatan perkongsian pengetahuan dan teknologi marin, sokongan terhadap penggubalan dasar berasaskan bukti, pembangunan kapasiti pelbagai pihak berkepentingan serta pemerkasa inovasi dan amalan mampan dalam sektor perikanan, akuakultur dan ekonomi biru.

# Membina masa depan lautan lebih mampan, berdaya tahan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad






**SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir dan berucap pada Ocean Week Brunei 2026 di Pusat Kesenian Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (atas dan kiri).**

**TUNGKU LINK**, Selasa, 2 Jun. - Minggu Lautan Brunei 2026 (Ocean Week Brunei 2026 - OWB 2026) dilancarkan secara rasmi hari ini bertempat di Pusat Kesenian Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Hadir merasmikan OWB 2026, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Dayang Hajah Tutiaty dalam ucapan perasmiannya berkata, Negara Brunei Darussalam (NBD) melihat lautan sebagai pusat identiti negara kita, mengekalkan perikanan, keselamatan makanan, komuniti pesisir, potensi pelancongan, biodiversiti dan cara hidup kita, di samping menyediakan peluang untuk pertumbuhan ekonomi masa hadapan terutamanya melalui ekonomi biru.

Menurutnya, di seluruh dunia, terdapat peningkatan minat terhadap konsep berkenaan dan menyedari bahawa lautan yang sihat serta pertumbuhan ekonomi yang mampan mesti bergerak bersama. Dalam ASEAN, ekonomi biru juga semakin penting apabila negara-negara bekerjasama dalam pengurusan sumber marin, daya tahan pesisir, perikanan mampan, inovasi dan kerjasama serantau untuk membentuk pembangunan masa hadapan.

Bagi NBD tambahnya, ini merupakan satu peluang yang harus kita hadapi dengan berhati-hati dan yakin, disokong oleh sumber marin kita yang kaya, institusi yang berkebolehan, organisasi tempatan yang komited, penyertaan sektor swasta yang aktif dan generasi muda yang semakin mengambil bahagian dalam kemampanan, sains, teknologi dan keusahawanan.

KSSUP, tegasnya, komited untuk memajukan pembangunan mampan sektor sumber utama dan pelancongan kita, memastikan pertumbuhan yang bertanggungjawab, berdaya tahan dan selaras dengan keutamaan negara kita.

"Ini juga sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 kita, yang mencerminkan aspirasi untuk membina ekonomi yang dinamik dan mampan, membangunkan insan yang mahir dan berkebolehan, serta meningkatkan kualiti hidup.

"Ia juga memperkukuh Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, terutamanya SDG 14 mengenai kehidupan di bawah air, di samping matlamat yang berkaitan dengan tindakan iklim, kerja yang baik, inovasi, perkongsian dan komuniti yang mampan," katanya lagi.

Program berkenaan menghimpunkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pemain industri, para penyelidik, institusi pendidikan, golongan belia, kumpulan pemuliharaan, sektor perniagaan, rakan antarabangsa, serta orang ramai bagi meneroka potensi lautan negara dalam menyokong kelestarian, mendorong inovasi, meningkatkan pendapatan komuniti, serta membuka peluang ekonomi masa depan.

Majlis turut menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Poni Group Sendirian Berhad dan Fourth Institute of Oceanography, Ministry of Natural Resources, China; APEC Marine Sustainable Development Center of the Third Institute of Oceanography, Ministry of Natural Resources, China; Academy of Oceanography, Guangxi Oceanic Administration China; Oriental University of Timor Leste (UNITAL) and Association of Mariñeiru Timor-Leste (AMTL).

OWB pada tahun ini membawa tema 'Ocean of Opportunities : Blue Economy for a Sustainable Future', mencerminkan kepentingan lautan NBD yang semakin meningkat sebagai tanggungjawab alam sekitar dan peluang pembangunan negara.

OWB direka bentuk sebagai platform kebangsaan dan serantau yang berterusan melangkaui kempen selama seminggu. Platform berkenaan membina perkongsian, melancarkan projek perintis dan memperkukuh penyertaan awam sepanjang tahun, sebelum memuncak dengan pameran awam yang lebih luas setiap Jun.

Pelancaran tahun ini juga akan mengetengahkan kerja berterusan termasuk penilaian tapak saintifik, penglibatan pihak berkepentingan, aktiviti pemuliharaan, misi rangkaian serantau dan kerjasama antarabangsa di seluruh Australia, Republik Rakyat China dan Republik Demokratik Timor-Leste.

Acara berkenaan turut menyediakan peluang untuk mempelajari tentang ekosistem ekonomi biru NBD yang semakin berkembang, bertemu pakar antarabangsa dalam kemampanan lautan, berhubung dengan rakan kongsi, meneroka peluang sukarelawan dan memahami bagaimana pemuliharaan, sains, inovasi dan tindakan komuniti boleh bekerjasama.

Melalui program tahun ini, OWB 2026 bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara kerajaan, industri, akademia, komuniti, belia dan rakan kongsi antarabangsa.

Platform berkenaan bertujuan untuk membina pemahaman awam yang lebih luas tentang mengapa lautan penting, di samping menggalakkan penyertaan praktikal dalam projek yang boleh mewujudkan impak alam sekitar, sosial dan ekonomi yang sebenar.

Masa depan lautan berkait rapat dengan masa depan NBD. Melindungi ekosistem marin, memulihkan habitat pesisir pantai, menyokong komuniti dan membina peluang ekonomi biru baharu bukan lagi matlamat yang berasingan. Ia adalah sebahagian daripada perbualan kebangsaan yang sama.

OWB 2026 mengajak orang ramai untuk belajar, berhubung, bekerjasama dan mengambil bahagian dalam membina masa depan lautan yang lebih mampan dan berdaya tahan untuk NBD.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# MAJLIS IBADAH KORBAN ERATKAN SILATURAHIM, SEMANGAT KEBERSAMAAAN

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**MEJAR Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Penaung-penaung Bersama Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar semasa mengagihkan daging korban kepada salah seorang penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Jun. - Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar petang tadi mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha bertempat di masjid berkenaan.

Hadir pada majlis berkenaan, Penaung-penaung Bersama MRSB, Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti Doa Peliharakan Sultan sebagai tanda kesyukuran serta memohon keberkatan, kesejahteraan dan perlindungan berterusan ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Acara kemudian diteruskan dengan pengagihan daging-daging korban kepada para penerima yang telah dikenal pasti. Pada tahun ini, seramai 43 asnaf menerima agihan daging korban yang disempurnakan dalam suasana penuh tertib dan muhibah.

Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan semangat keprihatinan, perpaduan dan kebersamaan masyarakat dalam menghayati tuntutan ibadah korban, di samping membantu golongan yang memerlukan selaras dengan nilai-nilai murni Islam.

Majlis diakhiri dengan suasana penuh kesyukuran dan kemesraan, sekali gus mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid, peserta korban dan masyarakat setempat.

# Kualiti kepimpinan penentu masa depan PA




**KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Program Eksekutif Muda Kohort 11**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**RIMBA**, Selasa, 2 Jun. - Seramai 20 peserta terpilih menyertai Program Eksekutif Muda Kohort 11 yang dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) bermula hari ini hingga 29 Ogos 2026.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (PA), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dr. Awang Norfarizal bin Othman, selaku tetamu kehormat majlis, berlangsung di Dewan Ittisal, IPA, di sini.

Dr. Awang Norfarizal dalam ucapan alu-aluannya menegaskan bahawa peranan penjawat awam perlu berkembang daripada sekadar melaksanakan dasar kepada menjadi pemikir strategik, pencetus inovasi, pemimpin perubahan dan penjaga amanah masyarakat serta negara.

Menurutnya, masa depan PA bukan sahaja bergantung kepada teknologi atau sistem, tetapi lebih ditentukan oleh kualiti kepimpinan yang mampu berfikir jauh ke hadapan, membuat keputusan sukar dan memimpin perubahan demi kepentingan generasi akan datang.

"Justeru, Program YEP ini adalah peluang untuk memperkukuh lagi pengetahuan, memperluas perspektif dan membina keyakinan diri sebagai pemimpin. Gunakanlah peluang ini untuk belajar daripada para fasilitator, mentor dan rakan peserta.

"Gunakanlah peluang ini untuk mencabar pemikiran sendiri. Keluar daripada zon selesa. Terokai idea baharu dan bina rangkaian profesional yang akan menjadi nara sumber kekuatan sepanjang perjalanan kerjaya nanti," ujarnya lagi.

Beliau turut menekankan empat ciri utama yang perlu dimiliki oleh seorang pemimpin masa hadapan menerusi konsep 'HARI', iaitu berorientasikan Hasil, berfikiran Adaptif, berjiwa Rakyat dan berIntegriti, bagi memastikan kepimpinan yang berkesan serta memberi impak positif kepada organisasi dan masyarakat.

Menurutnya lagi, pemimpin yang berkesan yang berorientasikan hasil bukan sahaja mengenal pasti masalah, tetapi mampu menghasilkan jalan penyelesaian yang memberi impak positif kepada organisasi dan masyarakat.

Dr. Awang Norfarizal turut menegaskan kepentingan sifat adaptif dalam menghadapi perubahan dunia yang semakin pantas. Pemimpin yang berjaya ialah mereka yang mampu menyesuaikan diri dengan cabaran dan perubahan semasa.

Selain itu tambahnya, pemimpin perlu berjiwa rakyat dengan memastikan setiap dasar, program dan inisiatif yang dilaksanakan sentiasa berpaksikan kepada keperluan dan kesejahteraan masyarakat.

Manakala menerusi ciri integriti katanya adalah merupakan kepercayaan dan mata wang kepimpinan yang paling berharga. Tanpa integriti, tiada kepimpinan yang mampu bertahan. Tanpa integriti, kepercayaan masyarakat akan terhakis dan gundah gulana.

Beliau percaya generasi pemimpin yang mengamalkan konsep 'HARI' dalam kehidupan seharian berpotensi membentuk masa depan PA yang lebih cemerlang.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah pegawai kanan dan jemputan dari IPA selaku pengendali program, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan JPM.

Objektif program YEP adalah untuk melahirkan dan membangunkan bakal pemimpin yang berintegriti tinggi serta memiliki tingkah laku positif, seterusnya mampu mencapai hasil yang dihasratkan dan meningkatkan prestasi organisasi.

Program berkenaan juga bertujuan memperkukuh keupayaan pemimpin masa hadapan agar sentiasa bersedia memenuhi keperluan masyarakat yang sentiasa berkembang dan berubah.

YEP merupakan salah satu program pembangunan eksekutif diterajui JPA dan merupakan program *flagship* Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) di bawah Rangka Kerja PA yang diwujudkan bagi mendukung hasrat Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi (Institutional Development Strategy).

CSLP bertujuan menyediakan *leadership pool* dalam kalangan pegawai Bahagian II ke atas bagi membantu perancangan strategik sumber manusia dalam PA.

# Mendukung belia ceburi bidang pertanian berteknologi tinggi

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**DR. Diana Dennis ketika menyampaikan taklimat.**

**TUNGKU**, Selasa, 2 Jun. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sekali lagi mengungkayahkan Program Pendedahan Belia-belia Yang Berpotensi untuk Menceburi Bidang Pertanian Berteknologi Tinggi.

Program kali ke-11 ini akan diadakan selama 13 hari, bermula dari 2 Jun hingga 20 Jun 2026, bertempat di Pusat Latihan dan Perkhidmatan Lepas Tuai, Pejabat Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Tungku, di sini.

Program tersebut meliputi sesi taklimat yang diberikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dr. Diana Dennis, pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta pegawai-pegawai daripada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe); Jabatan Belia dan Sukan; Pusat Pekerjaan Brunei; Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi); Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan (ROCBN); dan institusi-institusi kewangan.

Program ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam mendukung Pelan Strategik Jabatan Pertanian dan Agrimakanan 2022-2030, yang berkaitan dengan usaha untuk meningkatkan penglibatan belia dalam sektor pertanian.

Di samping itu, program ini bertujuan untuk mendedahkan perusahaan pertanian sebagai satu perniagaan yang menguntungkan, khususnya dalam bidang industri tanaman menggunakan sistem teknologi tinggi bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian.

Program ini dibahagikan kepada sesi taklimat dan sesi lawatan ke ladang pertanian.

Semasa sesi taklimat, penerangan dibuat mengenai peluang-peluang pelaburan di bidang industri tanaman; simulasi kewangan bagi perusahaan pertanian menggunakan teknologi tinggi; dan peluang-peluang pasaran di pasar raya tempatan.

Sementara itu, peserta akan melalui sesi penempatan selama lapan hari di ladang-ladang terpilih iaitu Hua Ho Agricultural Farm, Mori Enterprise, Harvest Moon Trading, KN Nursery (B) Sendirian Berhad, Akmal Asmaan Agriculture Farm dan Nana Agro Farm.

Melalui program ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan cuba untuk menarik minat para belia termasuk penuntut lepasan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan peserta di bawah program bantuan yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat yang melibatkan dukungan dari keluarga masing-masing dari segi moral dan modal, untuk menggalakkan anak-anak mereka menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Program ini juga memberikan fokus kepada beberapa sistem dan teknologi pengeluaran yang bersesuaian dengan kemampuan para peladang belia seperti sistem fertigasi dan sebagainya.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan antara lain berharap agar para peladang termasuk para belia ini nanti akan dapat melipat gandakan keluaran dan pendapatan mereka serta boleh berdikari, selanjutnya dapat menambah keluaran sehingga dapat menembusi pasar raya-pasar raya tempatan dan seterusnya menembusi pasaran eksport.

Para belia yang berminat boleh menghubungi Bahagian Industri Tanaman, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di talian +673 2470400, +673 2388095, atau +673 2382822.

# SEMAK KESAHIHAN MAKLUMAT SEBELUM DIKONGSI

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit




ORANG ramai dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati, tidak mudah terpedaya dan tidak mempercayai maklumat yang disebarkan melalui media sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Jun. - Dalam era digital yang serba canggih ini, tidak dinafikan bahawa maklumat dapat disampaikan dan disebarkan dengan pantas melalui medium komunikasi canggih, terutama dengan kewujudan aplikasi-aplikasi pada telefon pintar yang mana beberapa kejadian telah didapati bahawa maklumat yang disampaikan adalah palsu.

Penyebaran maklumat palsu boleh menimbulkan rasa takut dan cemas dalam kalangan orang ramai, selain menimbulkan suasana tegang yang tidak menyenangkan dan menyelewengkan fakta.

Menyebarkan maklumat palsu kepada orang awam merupakan satu kesalahan dan boleh didakwa di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam mengikut Seksyen 34 Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) yang boleh membawa hukuman penjara sehingga sesuatu tempoh tiga tahun atau denda BND3,000, jika sabit kesalahan.

Manakala dalam penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1), iaitu sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan menggunakan perkataan yang merupakan hasutan; mencetak semula sebarang hasutan; serta membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan bahawa ia berbentuk hasutan, adalah dianggap melakukan kesalahan.

Mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5,000, bagi kesalahan pertama, dan bagi kesalahan yang sama dilakukan seterusnya akan dikenakan hukuman penjara tiga tahun dan denda dan sebarang bentuk hasutan akan dirampas dan dimusnahkan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati, tidak mudah terpedaya dan tidak mempercayai maklumat yang disebarkan melalui media sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Orang ramai juga diingatkan supaya tidak berkongsi atau menyebarkan sebarang video palsu yang memaparkan nama, imej, atau suara mana-mana individu atau agensi, termasuk pihak berkuasa. Tindakan sedemikian bukan sahaja tidak bertanggungjawab, malah berpotensi mengelirukan orang ramai serta membuka ruang kepada penipuan.

Sebagai usaha untuk mempertingkatkan penyampaian maklumat yang sahih dan tepat, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) juga telah memperkenalkan Waspada.bn, sebuah platform semakan fakta bagi Negara Brunei Darussalam.

Waspada.bn diwujudkan bagi mengeratkan kerjasama antara pelbagai kementerian, agensi dan pihak penguatkuasaan undang - undang, termasuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan Penerangan dan AITI, dalam memperkukuh tindak balas proaktif terhadap ancaman maklumat palsu dan penipuan dalam talian melalui pendekatan secara Whole of Government.

Melalui platform tersebut, orang ramai boleh menyemak kesahihan berita dan maklumat yang diterima melalui media sosial, selain meningkatkan kesedaran untuk sentiasa peka dan berwaspada terhadap berita palsu dan penipuan, serta memainkan peranan aktif dalam membendung penyebaran maklumat palsu serta menyokong pembentukan masyarakat yang lebih berpengetahuan dan berwaspada.

Untuk mendapatkan maklumat terkini, orang ramai boleh mengikuti Instagram @waspadabn atau melayari laman sesawang *http://waspada.bn*. Sebarang maklum balas juga boleh disalurkan melalui WhatsApp di talian +673 8992233 atau e-mel ke *waspadabn@aiti.gov.bn*.

# Tanggungjawab bersama menjaga kebersihan, kelestarian laut, sungai



KERJASAMA antara individu, masyarakat, kerajaan dan sektor industri amat penting bagi memastikan sumber alam ini terus terpelihara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Jabatan Penerangan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Jun. - Sungai dan laut merupakan khazanah alam yang sangat penting kepada kehidupan manusia dan hidupan yang lain. Sungai membekalkan sumber air untuk kegunaan harian, pertanian dan industri, manakala laut menjadi sumber makanan, pengangkutan serta habitat kepada pelbagai spesies hidupan marin.

Oleh itu, setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan kelestarian sungai serta laut agar manfaatnya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Kepentingan menjaga sungai dan laut yang bersih membantu mengekalkan keseimbangan ekosistem. Air yang tidak tercemar memastikan hidupan akuatik seperti ikan, udang dan ketam dapat hidup dengan sihat.

Selain itu, kebersihan sungai dan laut turut menyumbang kepada kesihatan manusia kerana pencemaran air boleh menyebabkan pelbagai penyakit. Kawasan perairan yang bersih juga dapat menarik pelancong dan meningkatkan ekonomi setempat.

Tanggungjawab utama masyarakat antaranya ialah tidak membuang sampah ke dalam sungai atau laut. Sampah plastik, sisa makanan dan bahan kimia boleh mencemarkan air serta membahayakan hidupan akuatik.

Masyarakat juga perlu mengamalkan kitar semula dan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Di samping itu, mereka boleh menyertai program gotong-royong membersihkan pantai dan sungai yang dianjurkan oleh pihak berkuasa atau organisasi alam sekitar.

Pihak berwajib bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan pencemaran air. Tindakan tegas perlu diambil terhadap individu atau syarikat yang membuang sisa ke dalam sungai dan laut.

Manakala sektor industri pula perlu memastikan sisa buangan dirawat terlebih dahulu sebelum dilepaskan ke persekitaran. Langkah ini dapat mengurangkan pencemaran dan melindungi sumber air negara.

Kesimpulannya, menjaga sungai dan laut merupakan tanggungjawab bersama. Kerjasama antara individu, masyarakat, kerajaan dan sektor industri amat penting bagi memastikan sumber alam ini terus terpelihara. Dengan sikap bertanggungjawab dan kesedaran yang tinggi, kita dapat mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan lestari untuk masa depan.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن فوسة دعوه اسلاميه

# Sedekah membuka pintu rezeki

**SEDEKAH** atau memberi dengan ikhlas merupakan salah satu amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Sedekah bukan hanya bentuk kepedulian terhadap sesama, namun sedekah juga dipercayai dapat membuka pintu rezeki bagi mereka yang melakukannya.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Al-Quran :

"*Dan infakkanlah (hartamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sungguh, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik*".

(Surah Al-Baqarah, ayat 195)

Ayat ini menunjukkan bahawa sedekah dapat membawa kebaikan dan keberkatan dalam hidup kita. Allah Subhanahu Wata'ala juga berfirman :

"*Siapa yang memberi pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (infak dan sedekah), maka Allah akan melipatgandakan (balasan) untuknya berlipat ganda banyak*".

(Surah Al-Baqarah, ayat 245)

Imam At-Tarmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Mu'adz bin Jabal Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"*Sedekah itu dapat menghapus dosa sebagaimana air dapat memadamkan api*".

Hadis ini menunjukkan bahawa sedekah dapat membersihkan kita dari dosa-dosa dan membawa kita lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagaimanakah sedekah dapat membuka pintu rezeki? Pertama, sedekah dapat menghapus dosa-dosa kita, sehingga kita dapat terhindar dari akibat buruknya. Kedua, sedekah dapat mendatangkan berkah dari Allah Subhanahu Wata'ala, sehingga rezeki kita menjadi lebih luas dan berkat. Ketiga, sedekah dapat meningkatkan iman kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sehingga kita menjadi lebih yakin dan percaya kepada-Nya.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam kitab musnadnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"*Bersedekahlah kamu, kerana sedekah itu dapat menutup (kesalahan) dan menambah (rezeki)*".

Hadis ini menunjukkan bahawa sedekah dapat menutup kesalahan kita dan ia tidak akan mengurangi rezeki jika kita bersedekah.

Untuk meningkatkan kualiti sedekah kita, kita perlu meniatkan sedekah kita seikhlas-ikhlasnya hanya kerana Allah Subhanahu Wata'ala, dan bukan untuk mendapatkan pujian atau balasan daripada manusia.

Dalam melakukan sedekah, kita juga perlu mengatasi rasa was-was atau keraguan. Kita dapat membaca doa-doa yang diajarkan oleh yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seperti :

"*Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari kegelisahan dan kesedihan, dari kelemahan dan kemalasan, dari sifat pengecut dan kebakhilan, dari lilitan hutang dan penindasan orang lain*".

Dengan demikian, kita dapat melakukan sedekah dengan lebih ikhlas dan yakin.

Kesimpulannya, sedekah merupakan amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam. Dengan melakukan sedekah, kita dapat membuka pintu rezeki, menghapus dosa, dan meningkatkan iman kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita memperbanyak sedekah dan berharap agar Allah Subhanahu Wata'ala membuka pintu rezeki bagi kita semua.

Pelita Brunei

# Adakah Sah Membuat Pembelian Bagi Pihak Orang Lain Tanpa Izin?




***(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

**DALAM** realiti muamalat semasa, ada kalanya berlaku seseorang melakukan pembelian atau urusan tertentu bagi pihak orang lain tanpa arahan atau tanpa izin terlebih dahulu daripada pihak tersebut. Tujuan perbuatan tersebut pada asalnya mungkin untuk menolong atau memudahkan pihak tersebut, namun ada kalanya pihak yang ditolong tidak bersetuju dengan transaksi yang dilakukan bagi pihaknya. Dalam situasi seperti ini, persoalan yang timbul adakah sah akad jual beli yang dilakukan oleh seseorang bagi pihak orang lain tanpa izin atau pengetahuan pihak tersebut?

Rukun jual beli ada enam perkara iaitu penjual, pembeli, barang yang dijual, harga barang, *ijab* dan *qabul*. Antara perkara yang disyaratkan pada kedua-dua pihak yang berakad (penjual dan pembeli) ialah hendaklah akad tersebut dilaksanakan dengan kerelaan kedua-duanya, iaitu tanpa sebarang paksaan ke atas penjual atau pembeli dalam melaksanakan akad, kecuali paksaan yang diakui oleh syara'. Oleh yang demikian, kerelaan kedua-dua pihak yang berakad merupakan asas kepada kesahan jual beli.

Disyaratkan juga pada kedua-dua pihak yang berakad itu hendaklah dia mempunyai kuasa terhadap harta yang diperjualbelikan, sama ada melalui hak milik sebenar, *wilayah* (kuasa perwalian harta), *wishayah* (kuasa bagi *washi* iaitu orang yang diwasiatkan untuk menjalankan urusan anak kecil, urusan harta dan selainnya) atau *wakalah* (perwakilan).

Oleh itu, seseorang yang menjual harta miliknya sendiri, atau seseorang yang membeli sesuatu dan membuat pembayaran menggunakan harta miliknya sendiri, maka jual beli sedemikian adalah sah kerana syara' menetapkan bagi pemilik kuasa *tasharruf* yang penuh terhadap harta miliknya.

Adapun jual beli yang dilakukan oleh wali atau *washi* (pentadbir harta) bagi pihak orang di bawah perwaliannya atau orang di bawah tadbirnya, serta jual beli yang dilakukan oleh wakil bagi pihak orang yang mewakilkannya (*muwakkil*) adalah sah, dengan syarat hendaklah harta itu milik orang di bawah perwaliannya, atau orang di bawah tadbirnya, atau orang yang diwakilinya, dan akad tersebut dilakukan dalam batas kuasa yang diberikan kepadanya. Wali dan *washi* mempunyai kuasa terhadap harta tersebut melalui kuasa yang ditetapkan oleh syara'. Manakala wakil pula memperolehi kuasa melalui keizinan pemilik harta.

Dalam muamalat Islam, pembelian yang dilakukan oleh seseorang bagi pihak orang lain jika menggunakan harta orang lain itu tanpa izinnya, atau tanpa kuasa yang sah yang diiktiraf oleh syara' adalah termasuk dalam kategori jual beli *al-fudhuli* (*al-bai' al-fudhuli*). Jual beli *al-fudhuli* merujuk kepada akad jual beli yang dilakukan oleh seseorang terhadap suatu harta dan dia bukan pemilik, wakil atau wali kepada pemilik asal harta serta melakukannya tanpa izin daripada pemilik tersebut. Oleh yang demikian, jual beli *al-fudhuli* merangkumi perbuatan seseorang menjual sesuatu barang atau harta milik orang lain, atau membeli sesuatu bagi pihak orang lain menggunakan harta orang lain tersebut tanpa izin atau tanpa kuasa yang sah.

Menurut pendapat *al-mu'tamad*, hukum jual beli *al-fudhuli* adalah tidak sah. Perkara ini disebut oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Minhaj ath-Thalibin :

**Ertinya** : *Maka jual beli al-fudhuli itu batal (tidak sah).*

Malah persetujuan atau keizinan yang diberi oleh pemilik harta selepas jual beli *al-fudhuli* berlaku tetap tidak memberi kesan kepada akad tersebut untuk mengubahnya menjadi sah. Perkara ini berdasarkan riwayat 'Amr bin Syu'aib daripada bapanya daripada datuknya 'Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash *Radhiallahu 'anhum* Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Tidak (sah) jual beli melainkan terhadap sesuatu yang engkau miliki.*

(Hadits riwayat Abu Daud)

Menurut Syaikh Ibn Raslan *Rahimahullah* dalam kitabnya Syarh Sunan Abi Daud, hadits di atas adalah sebagai dalil bahawa jual beli *al-fudhuli* termasuk dalam kategori jual beli yang batal (tidak sah) walaupun pemilik harta memberi keizinan selepas jual beli tersebut kerana penjual *al-fudhuli* menjual sesuatu yang tidak dimiliki.

Akad pembelian *al-fudhuli* yang tidak sah itu ialah apabila seseorang melakukan akad pembelian bagi pihak orang lain tanpa keizinannya atau tanpa kuasa yang sah, dengan pembayaran secara tunai menggunakan harta pihak tersebut. Akad ini batal sejak akad dilakukan kerana pembelian dilakukan tanpa keizinan dan pembeli tidak mempunyai kuasa terhadap harta yang digunakan untuk membayar barang tersebut, sama ada melalui hak pemilikan, *wilayah*, *wishayah* atau *wakalah*.

Begitu juga, pembelian *al-fudhuli* yang tidak sah itu ialah apabila seseorang melakukan akad pembelian dibuat secara hutang (*fi adz-dzimmah*) bagi pihak orang lain tanpa keizinannya atau tanpa kuasa yang sah, dan dia menamakan orang lain tersebut sebagai pembeli dalam akad. Sebagai contoh, Ahmad membeli sebuah buku bagi pihak Umar dan dia menamakan Umar dalam akad, namun Ahmad bukan wakil, wali atau *washi* ke atas Umar. Pembayaran harga buku tersebut dilakukan secara hutang dan Ahmad menyatakan kepada penjual buku tersebut bahawa pembayaran itu di bawah tanggungan (liabiliti) Umar, seperti Ahmad berkata kepada penjual buku : *"Saya membeli buku ini bagi pihak Umar dengan harga $300 secara hutang, dan jumlah $300 itu adalah tanggungan Umar".*

Dalam hal ini, akad pembelian tersebut adalah batal sejak akad dilakukan kerana tidak memenuhi syarat-syarat jual beli menurut syara', iaitu pembelian yang dilakukan tanpa keizinan, serta hutang atau beban bayaran ditanggungkan kepada pihak tersebut tanpa keizinannya.

Berbeza halnya jika pembelian seseorang secara hutang atas namanya sendiri atau pembelian secara tunai menggunakan hartanya sendiri, bagi pihak orang lain dengan keizinan orang lain itu serta menamakannya dalam akad sebagai pembeli sebenar. Dalam hal ini, akad pembelian adalah sah dan harga pembelian itu merupakan hutang yang ditanggung oleh pembeli sebenar. Akad ini adalah sah kerana pembelian yang dilakukan oleh pembeli (pelaku transaksi secara langsung) bagi pihak orang lain menggunakan hartanya sendiri dengan keizinan pihak orang lain itu dilakukan dalam batas kuasa yang dibenarkan oleh pemberi izin berkenaan (orang lain itu) kerana jual beli ini tidak termasuk dalam kategori jual beli *al-fudhuli*.

Sebagai contoh, pembelian buku yang dilakukan oleh Ahmad secara hutang atas nama Ahmad atau secara tunai menggunakan harta Ahmad bagi pihak Umar dengan mendapat keizinan Umar, serta disebut dalam akad bahawa pembelian tersebut adalah bagi pihak Umar, maka akad pembelian tersebut adalah sah dan mengikat Umar selaku pihak yang memberi keizinan. Oleh itu, Umar adalah pemilik kepada buku yang dibeli secara hutang atau secara tunai itu, manakala harga buku tersebut dianggap sebagai hutang yang ditanggung oleh Umar dan wajib dibayar kepada Ahmad. Perkara ini disebut oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, katanya :

**Ertinya** : *Dan (tidak termasuk) dengan (jual beli) al-fudhuli, jika seseorang membeli (sesuatu) dengan hartanya sendiri atau (membeli sesuatu) secara dalam tanggungannya (hutang) bagi (pihak) orang lain, dan orang lain itu telah memberi izin kepadanya (melakukan pembelian tersebut) dan pembeli menamakan orang lain itu dalam akad, maka pembelian itu (dikira sah) berlaku bagi orang yang memberi izin, dan harga belian itu menjadi hutang (ke atas pemberi izin), kerana ada keizinannya dalam pembelian itu.*

Disebut dalam Kitab al-Majmu' bahawa terdapat beberapa keadaan akad pembelian yang dilakukan oleh seseorang menggunakan hartanya sendiri bagi pihak orang lain tanpa izin pihak tersebut, juga dihukumkan sah. Walau bagaimanapun, implikasi akad tersebut dikenakan ke atas diri pembeli sebagai pelaku transaksi yang secara langsung melakukan akad pembelian, dan tidak dikenakan ke atas pihak orang lain tersebut. Penjelasannya adalah seperti berikut :

1. Seseorang membeli sesuatu secara hutang (*fi adz-dzimmah*) dengan niat di dalam hati bahawa pembelian tersebut adalah bagi pihak orang lain, akan tetapi ketika berakad pembeli tidak menamakan bahawa pembelian tersebut adalah bagi pihak orang lain.

Sebagai contoh, Ahmad membeli sebuah buku secara hutang dan ketika berakad dia hanya berniat di dalam hati tanpa melafazkannya bahawa pembelian itu adalah bagi pihak Umar, seperti dia berkata kepada penjual buku : *"Saya membeli buku ini dengan harga $300 secara hutang".*

Akad ini dihukumkan sah dan berlaku ke atas Ahmad sebagai pembeli (pelaku transaksi). Oleh yang demikian, akad tersebut mengikat Ahmad sebagai pembeli dan menjadikannya pemilik buku tersebut, walaupun berniat bahawa pembelian tersebut adalah bagi pihak Umar. Ini kerana niat semata-mata tanpa melafazkannya dalam akad tidak memberi kesan hukum kepada akad tersebut. Manakala harganya pula menjadi tanggungan Ahmad sepenuhnya dan Umar tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk membayar hutang atau harga buku tersebut.

2. Seseorang membeli sesuatu secara hutang bagi pihak orang lain serta menamakannya dalam akad. Namun ketika berakad dia tidak menyatakan atau menyandarkan pembayaran harga tersebut sebagai tanggungan atau liabiliti pihak orang lain itu.

Sebagai contoh, Ahmad membeli sebuah buku secara hutang bagi pihak Umar tanpa izin Umar dan tanpa *wakalah*, *wilayah* atau *wishayah* yang sah ke atas Umar. Ketika berakad, Ahmad tidak menyatakan atau menyandarkan bahawa harga buku tersebut sebagai tanggungan atau liabiliti Umar, seperti dia berkata kepada penjual buku : *"Saya membeli buku ini dengan harga $300 bagi pihak Umar. Saya membelinya secara hutang".*

Akad ini adalah sah dan berlaku ke atas Ahmad sebagai pembeli (pelaku transaksi). Oleh yang demikian, akad tersebut mengikat Ahmad sebagai pembeli dan menjadikannya pemilik buku tersebut. Begitu juga harganya menjadi tanggungan Ahmad sepenuhnya. Adapun Umar tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk membayar hutang atau harga buku tersebut kerana pembelian itu dilakukan tanpa izin Umar.

3. Seseorang membeli sesuatu secara tunai menggunakan hartanya sendiri bagi pihak orang lain. Ketika berakad, pembeli menamakan bahawa pembelian itu adalah bagi pihak orang lain itu. Walau bagaimanapun pembelian tersebut dilakukan tanpa izin daripada pihak yang dinamakannya itu.

Sebagai contoh, Ahmad membeli sebuah buku secara tunai menggunakan hartanya sendiri bagi pihak Umar dan menamakan Umar dalam akad, seperti dia berkata kepada penjual buku : *"Saya membeli buku ini dengan harga $300 bagi pihak Umar".* Walau bagaimanapun, pembelian itu dilakukan tanpa izin dan tanpa *wakalah*, *wilayah* atau *wishayah* yang sah ke atas Umar.

Akad ini dihukumkan sah dan berlaku ke atas Ahmad sebagai pembeli (pelaku transaksi) sekalipun di dalam akad dia menamakan atau menyandarkan pembelian tersebut kepada Umar, kerana pembelian itu dilakukan tanpa izin Umar. Dalam keadaan ini, penyebutan nama Umar dalam akad tidak diambil kira serta tidak menjejaskan kesahan akad tersebut kerana pembelian dilakukan secara tunai menggunakan harta Ahmad sendiri. Oleh yang demikian, akad tersebut mengikat Ahmad sebagai pembeli dan menjadikannya pemilik buku tersebut. Manakala Umar tidak mempunyai sebarang kewajipan untuk membayar harga buku tersebut kepada Ahmad.

Kesimpulannya, muamalat Islam menekankan bahawa persetujuan kedua-dua pihak, hak pemilikan serta kewujudan kuasa *tasharruf* yang sah terhadap harta yang diperjualbelikan adalah antara syarat-syarat asas bagi kesahan akad jual beli. Oleh sebab itu, jual beli *al-fudhuli* iaitu akad yang dilakukan oleh seseorang tanpa izin dan tanpa kuasa *tasharruf* yang sah terhadap harta milik orang lain, hukumnya adalah tidak sah, kerana perbuatan tersebut bertentangan dengan syarat-syarat akad yang ditetapkan oleh syara'.

Namun demikian, pembelian yang dilakukan oleh seseorang menggunakan hartanya sendiri, sama ada secara tunai atau hutang, bagi pihak orang lain sekiranya mendapat izin daripada pihak orang lain itu dan dia menamakannya dalam akad sebagai pembeli sebenar, ia tidak termasuk dalam kategori jual beli *al-fudhuli*. Dalam hal ini, akad tersebut adalah sah, manakala harga belian sama ada dibayar secara tunai atau hutang, adalah menjadi hutang yang wajib dibayar oleh pemberi izin kepada pembeli.

# MEMUPUK SIKAP PEMEDULIAN, KEPRIHATINAN TERHADAP MASYARAKAT

**Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Universiti Brunei Darussalam**



**DAGING-daging korban berkenaan diagihkan kepada peserta korban dan asnaf di Kawasan RPN Kampung Rimba, Gadong.**

**RIMBA**, Isnin, 1 Jun. - Seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam tidak melepaskan peluang untuk meraih seberapa banyak ganjaran pahala yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala pada bulan Zulhijah ini dengan melaksanakan Majlis Ibadah Korban.

Ibadah korban yang menjadi amalan sunat yang sangat dituntut sebagai tanda syukur seorang hamba atas nikmat yang diberikan di samping mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain pihak kerajaan dan swasta, sebahagian keluarga di negara ini tidak ketinggalan untuk berkumpul dan bersama-sama mengadakan majlis seumpamanya, baru-baru ini.

Sehubungan itu, jemaah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan keluarga telah melaksanakan ibadah korban di kediaman salah seorang jemaah di Kawasan 3, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, iaitu Awang Haji Metusin bin Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Majlis Ibadah Korban 2026.

Majlis dihadiri oleh Ketua-ketua Kampung RPN Kampung Rimba, Gadong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Takbir beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Haji Zaman bin Haji Timbang.

Pada tahun ini, sebanyak tiga ekor kerbau telah dikorbankan untuk diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya. Daging-daging korban berkenaan juga diagihkan kepada peserta korban dan asnaf di Kawasan RPN Kampung Rimba,Gadong.

Ibadah korban berkenaan adalah antara amalan-amalan sunat yang sangat dituntut (sunat Muakkad) yang seterusnya dapat melahirkan rasa syukur terhadap nikmat hidup yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, ibadah berkenaan juga dapat memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat sekali gus mengeratkan lagi tali persaudaraan dan kekeluargaan sesama umat Islam.



**IBADAH korban adalah antara amalan sunat yang sangat dituntut (sunat Muakkad) yang seterusnya melahirkan rasa syukur terhadap nikmat hidup yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.**

## Zahir ketaatan, kesyukuran atas nikmat yang diberikan

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Limau Manis**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Jun. - Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Limau Manis baru-baru ini telah mengadakan Majlis Pengagihan Daging Korban kepada 182 orang yang terdiri daripada 21 peserta korban, 63 penerima dan selebihnya terdiri daripada AJK takmir masjid, jemaah masjid dan penduduk kampung.

Majlis berlangsung di masjid berkenaan.

Penyampaian pengagihan daging korban berkenaan telah disempurnakan oleh Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Haji Arfan bin Haji Md. Yussof; Ketua Kampung Limau Manis, Awang Firdaus bin Haji Ghafar; dan Ketua Kampung Wasan, Batang Perhentian dan Panchor Murai.

Aktiviti berkenaan adalah kegiatan tahunan masjid berkenaan semasa kedatangan Hari Raya Aidiladha.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah bagi memberi peluang kepada jemaah dan penduduk kampung untuk menzahirkan ketaatan dan kesyukuran atas nikmat yang diberikan semata-mata mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.



**SEBAHAGIAN yang hadir menyertai dalam acara bergotong-royong bagi memeriahkan Majlis Pengagihan Daging Korban.**

# Program interaktif kenalkan konsep ibadah korban

**Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Quranic**




**NUQRA Qurbatopia bertujuan untuk membantu kanak-kanak memahami pengertian ibadah korban bukan hanya penyembelihan haiwan semata-mata tetapi nilai keikhlasan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Jun. - Nuqra Quranic telah menganjurkan program cuti sekolah bertemakan 'Nuqra Qurbatopia', sebuah program interaktif dan menyeronokkan yang bertujuan memperkenalkan konsep ibadah korban kepada kanak-kanak melalui pendekatan pembelajaran yang kreatif dan bersesuaian dengan usia mereka.

Program yang berlangsung selama satu hari ini telah diadakan baru-baru ini, bertempat di Nuqra Quranic Kiulap. Program ini disertai oleh kanak-kanak berusia 6 hingga 12 tahun.

Melalui program ini, para peserta didedahkan kepada kisah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam menerusi sesi penceritaan yang mudah difahami. Para peserta juga berpeluang mengikuti aktiviti simulasi ibadah korban secara praktikal melalui beberapa stesen pembelajaran, termasuk aktiviti melapah daging dan pengagihan daging korban.

Pendekatan ini bertujuan membantu kanak-kanak memahami bahawa ibadah korban bukan hanya berkaitan dengan penyembelihan haiwan semata-mata, tetapi turut membawa nilai keikhlasan, ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, semangat berkongsi rezeki dan sikap prihatin terhadap orang lain.

Program ini juga menitikberatkan nilai kerjasama dan semangat berpasukan. Melalui aktiviti berkumpulan, para peserta digalakkan untuk saling membantu, menghormati antara satu sama lain.

Nuqra Quranic berharap agar penganjuran Nuqra Qurbatopia dapat memberikan pengalaman cuti sekolah yang bermanfaat kepada kanak-kanak. Untuk akhirnya, program seumpama ini juga merupakan sebahagian daripada usaha Nuqra Quranic untuk menyediakan ruang pembelajaran yang menarik, interaktif dan relevan bagi membantu kanak-kanak mendalami ajaran Islam melalui pengalaman yang menyeronokkan.

PELITA BRUNEI

# MENINGKATKAN KESEDARAN KEPENTINGAN PERSEDIAAN AWAL SEBELUM BERSARA

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Jun. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah melaksanakan Program Lakastah Bersedia selama dua hari bermula pada Isnin, 25 Mei 2026 sehingga Selasa, 26 Mei 2026 bertempat di Dewan Sepakat 4, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Program berkenaan bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan membuat persediaan awal sebelum menghadapi fasa persaraan, dengan meliputi aspek-aspek utama seperti perancangan kewangan, penjagaan hubungan kekeluargaan dan sosial, penjagaan kesihatan dan pengurusan harta.

Golongan sasaran terdiri daripada individu yang akan bersara dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang. Sesi pada kali ini telah dihadiri oleh seramai 48 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan bersama pasangan masing-masing.

Penglibatan pasangan dalam program berkenaan merupakan elemen penting dalam pendekatan yang diketengahkan memandangkan perancangan persaraan adalah lebih berkesan apabila dilaksanakan secara bersama melalui galakan komunikasi terbuka, perkongsian dalam membuat keputusan, serta penyelarasan matlamat kewangan dan jangkaan gaya hidup.

Inisiatif berkenaan bertujuan meningkatkan tahap kesiapsiagaan dan jaminan kesejahteraan jangka panjang. Justeru itu, penglibatan secara kolaboratif berkenaan diharap dapat memperkukuh lagi keberkesanan dan kemampanan strategi perancangan persaraan dalam kalangan peserta.

Melalui program berkenaan, para peserta diberikan pendedahan dan panduan praktikal daripada beberapa institusi jemputan. Selain taklimat mengenai perancangan kewangan dan persaraan oleh Unit Perkhidmatan Persaraan TAP, antara institusi yang turut terlibat ialah Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) yang menekankan kepentingan mengenal pasti serta menghindari penipuan kewangan.

Manakala, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga dari Jabatan Hal Ehwal Syariah pula memberi fokus kepada kesejahteraan hubungan kekeluargaan dan sosial, sementara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) membincangkan aspek pengurusan harta waris sebelum dan selepas meninggal dunia mengikut hukum syarak.

Pusat Promosi Kesihatan juga mengetengahkan kepentingan penjagaan kesihatan sebelum dan semasa bersara, manakala Cyber Security Brunei (CSB) pula mengongsikan isu-isu keselamatan digital dan panduan praktikal bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah siber.

Program berkenaan turut menekankan kepentingan menetapkan matlamat pendapatan persaraan serta mengambil tindakan awal bagi mengekalkan gaya hidup yang selesa semasa bersara nanti.



**SESI bergambar ramai pada Program Lakastah Bersedia yang diadakan selama dua hari bermula pada 25 Mei 2026 hingga 26 Mei 2026.**

TAP juga menggalakkan ahli-ahli TAP untuk membuat caruman sukarela ke dalam Akaun Ahli Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan simpanan persaraan mereka dan mendapatkan konsultasi melalui perancang-perancang kewangan yang di akreditas, TAPCERT®.

Dengan adanya program berkenaan, diharap akan dapat menjadi asas kepada para peserta dalam membina kehidupan persaraan yang lebih teratur, selamat dan bermakna. Usaha seumpama berkenaan akan terus diperluaskan ke kementerian serta agensi lain pada masa akan datang.

Bagi ahli-ahli TAP yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan yang disediakan boleh menghubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 2722929 semasa waktu bekerja ataupun melalui e-mel di *ask@tap.com.bn*.



# MINDA PEMBACA

## Penglibatan belia dalam industri pembinaan : Cabaran dan peluang

**INDUSTRI** pembinaan merupakan salah satu sektor penting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi sesebuah negara. Namun begitu, penglibatan belia dalam industri berkenaan masih kurang memberangsangkan kerana ramai yang menganggap pekerjaan dalam bidang pembinaan sukar dan tidak menjamin masa depan.

Walau bagaimanapun, industri berkenaan sebenarnya menawarkan pelbagai peluang yang mampu menarik minat golongan muda jika dimanfaatkan dengan baik.

Antara cabaran utama penglibatan belia dalam industri pembinaan ialah persepsi negatif masyarakat terhadap pekerjaan berkenaan. Ramai belia menganggap kerja pembinaan hanya melibatkan buruh kasar dan persekitaran kerja yang kotor serta berbahaya.

Selain itu, kekurangan kemahiran dan latihan khusus turut menyebabkan belia kurang yakin untuk menceburi bidang berkenaan. Persaingan dengan pekerja asing juga menjadi faktor yang mengurangkan minat belia tempatan terhadap industri pembinaan.

Walaupun begitu, industri pembinaan menawarkan banyak peluang kepada golongan belia. Dengan perkembangan teknologi moden seperti penggunaan mesin automatik dan sistem digital, bidang pembinaan kini lebih moden dan memerlukan tenaga kerja yang mahir.

Belia boleh mengikuti kursus kemahiran dan latihan teknikal, seperti di Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Lifelong Learning Centre) ataupun melalui pembelajaran di institusi-institusi pendidikan seperti di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) atau Politeknik Brunei bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan juga kemahiran.

Selain itu, industri berkenaan turut menawarkan pendapatan yang lumayan serta peluang untuk menjadi usahawan dalam bidang kontraktor dan reka bentuk bangunan.

Kesimpulannya, penglibatan belia dalam industri pembinaan perlu digalakkan demi memastikan pembangunan negara terus maju. Pelbagai pihak seperti kerajaan, sekolah dan institusi latihan perlu bekerjasama untuk mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap bidang berkenaan. Dengan ilmu, kemahiran dan sikap positif, belia mampu berjaya dalam industri pembinaan.

**Nama : Dayangku Nur Afidah Nabilah binti Pengiran Ahmad Mustajaf**
**No. K/P : 01-107XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Kesedaran Awam terhadap Bahaya Buli'.** Tarikh Tutup : **3 Jun 2026**
2. **'Amalan Membaca, Kunci Kejayaan'.** Tarikh Tutup : **10 Jun 2026**
3. **'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'.** Tarikh Tutup : **17 Jun 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75 SETIAP MINGGU**

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# AL-QURAN TERAS PEMBENTUKAN INSAN BERAKHLAK



Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar

**SESI bergambar ramai pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di masjid tersebut.**

**KAMPUNG SUNGAI BESAR**, Isnin, 1 Jun. - Penghayatan dan pembacaan Al-Quran perlu diterjemahkan dalam kehidupan harian sebagai panduan yang mampu membentuk peribadi dan amalan yang lebih baik.

Penasihat I Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Besar, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Awang Damit berkata bahawa mengkhatamkan bacaan Al-Quran mencerminkan kesungguhan dan iltizam para peserta dalam mendekatkan diri kepada kitab suci tersebut.

"Ibadah membaca Al-Quran secara berterusan dapat menjadi sumber kekuatan rohani, selain membantu membentuk kehidupan yang lebih teratur dan diberkati. Saya merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang sentiasa meluangkan masa mengikuti sesi tadarus secara konsisten setiap pagi di masjid ini," jelasnya pada Majlis Khatam Al-Quran yang disertai oleh AJKT masjid serta Ahli Tadarus Subuh Masjid Kampung Sungai Besar, baru-baru ini.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Pengiran Hassan Basri bin Pengiran Haji Ismail, yang turut memimpin bacaan Takhtim, Doa Khatam Al-Quran, Tahlil dan Doa Selamat.

Majlis berkenaan diadakan sebagai menzahirkan rasa kesyukuran atas kejayaan para peserta yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

# Memperkukuhkan syiar Islam, memupuk semangat kebersamaan



**SEKITAR Majlis Pengagihan Daging Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah yang berlangsung di kawasan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri dan gambar-gambar bawah kiri).**

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Zul Fakhri Abdul Rahman





**TUNGKU KATOK**, Isnin, 1 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku Katok bersama Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik, Kampung Tungku, baru-baru ini telah mengadakan Majlis Pengagihan Daging Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1447 Hijrah, yang berlangsung di kawasan masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Penolong Pengarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Turut hadir ialah Penghulu Mukim Gadong 'A', ketua-ketua kampung sekitar Kampung Tungku dan Katok, ahli-ahli jawatankuasa masjid serta penduduk kampung.

Sebanyak lapan ekor kerbau, seekor sapi dan dua ekor kambing telah dikorbankan pada tahun ini hasil penyertaan para peserta ibadah korban.

Daging korban yang telah diproses dan dibahagikan diagih-agihkan kepada para penerima yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin serta keluarga yang memerlukan di kawasan Kampung Tungku dan Katok.

Majlis berkenaan merupakan acara tahunan yang diusahakan oleh MPK Tungku Katok bersama Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan syiar Islam, memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan masyarakat serta mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung.

Melalui pengagihan daging korban ini, diharapkan ia dapat meringankan beban penerima di samping menyemarakkan lagi penghayatan terhadap nilai-nilai pengorbanan, keprihatinan dan perkongsian rezeki yang menjadi inti pati sambutan Hari Raya Aidiladha.

# Kongsi rezeki dengan golongan memerlukan

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Faridah Haji Mohd. Taufik

**BERIBI**, Isnin, 1 Jun. - Seramai 70 keluarga kurang berkemampuan dan anak-anak yatim dari keempat-empat daerah di negara ini telah menerima sumbangan daging korban serta barangan asasi menerusi Program Pengagihan Daging Korban dan Barangan Asasi sempena Hari Raya Aidiladha, baru-baru ini.

Program anjuran Projek Amal Impian Cahaya Iman dengan kerjasama The K Group dan Miraputra D'Lightz itu berlangsung di No. 2, Simpang 636-84-28-3, Kampung Beribi, Jangsak.

Atur cara dimulakan dengan laungan takbir Aidiladha yang menyemarakkan suasana kebesaran hari raya, diikuti dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Ahmad Hilmi bin Haji Samsuddin.

Penyampaian sumbangan kepada para penerima telah disempurnakan oleh Dayang Faridah binti Haji Mohd. Taufik, Dayang Fatimah binti Haji Jamil dan Pengiran Jaya Indra bin Pengiran Anak Haji Metussain.

Program tersebut diadakan sebagai salah satu inisiatif kebajikan bagi membantu golongan yang memerlukan, khususnya keluarga kurang berkemampuan dan anak-anak yatim, selain menghayati nilai pengorbanan, keprihatinan serta amalan berkongsi rezeki yang menjadi tuntutan agama Islam.

Melalui sumbangan yang dihulurkan, para penganjur berharap ia dapat membantu meringankan beban penerima dalam menyambut Aidiladha, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dan memupuk semangat kemasyarakatan dalam kalangan masyarakat.



**PROGRAM berkenaan menjadi salah satu inisiatif kebajikan bagi membantu golongan yang memerlukan selain menghayati nilai pengorbanan, keprihatinan serta amalan berkongsi rezeki yang menjadi tuntutan agama Islam.**

JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / QSTOR / 005 / 2026**
Membekalkan Perhiasan Dan Alat Peragaan Persembahan Bagi Peserta Persembahan Khas Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / QSTOR / 006 / 2026**
Membekalkan Bunga Hidup Dan Artificial Bagi Hiasan Bilik-Bilik Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
**JDBM / QSTOR / 007 / 2026**
Menjahit Dan Membekalkan Pakaian Peserta Persembahan Khas Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sirmuda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
**JDBM / QSTOR / 003 / 2026**
Membekalkan Poncho (Baju Hujan) Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Tawaran**
**JDBM / QSTOR / 004 / 2026**
Membekalkan Batang Bendera Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bertempat Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**JKED / TAWARAN / UPICT / BPPK / Q / 2026-08**
Kerja-Kerja Penambahan Bilik Mesyuarat Di Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
II, III, IV atau V

**Kategori:**
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa, 9 Jun 2026

**Tarikh Tutup Pada:**
Selasa, 16 Jun 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

**JASTRE / BL / T005 / 2026**
**Cadangan Kerja-Kerja Pembaikan Landskap Bagi Kawasan Hadapan Istana Nurul Iman, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha**

**No. Projek:**
JASTRE / BL / T004 / 2026

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Non Refundable)

KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 93 / 2026 / TUT
Supply, Fabricate And Install Two Soundproof Room For New Audiology Room, PMMPMHAMB Hospital Tutong

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan/atau Kementerian Kesihatan

**Kelas:**
II dan ke atas

**Kategori:**
B01

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 94 / 2026 / UPP
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Tourniquet System For Operating Theatre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 95 / 2026 / SSBH
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Delivery Beds For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 96 / 2026 / TUT (TC)
The Provision Of Catering Services For The Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Hospital Tutong, National Isolation Centre, National Isolation Centre Extension (NICE) And Tutong Dialysis Centre For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND500.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 97 / 2026 / DSS (TC)
To Supply, Deliver And Install Purified Gases (Gaseous And Liquid Form) To Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND500.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 98 / 2026 / JPK (TC)
The Provision Of Security Services For Pengkalan Batu Health Centre, Department Of Health Services, Ministry Of Health For A Period Of Two (2) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Pasukan Polis Diraja Brunei di Bahagian Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 99 / 2026 / ESTETMOH (TC)
The Provision Of Maintenance Services For Fume Cupboards At Clinical Molecular Diagnostics Laboratory For Infectious Diseases (CMDLID) For A Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan serta memiliki Sijil Pendaftaran Perniagaan di bawah Seksyen 16 dan 17, khususnya dalam bidang pembekalan peralatan perubatan, hospital, saintifik dan pergigian, adalah layak untuk menyertai tender ini

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 100 / 2026 / HTD
One Off Preventive Maintenance Services For Applied Biosystems Equipment At Department Of Scientific Services

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 101 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Upgrade Of Existing Surgical Endoscopy Camera Head System For Operating Theatre, RIPAS Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 102 / 2026 / SSBH
Kerja-Kerja Mencat Serta Membaikpulih Keretakan Keseluruhan Permukaan Dinding Luar Bangunan Serta Penambahan Atap Baru Blok K, E Dan R Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

**Kelas:**
II dan III

**Kategori:**
B01, E01 & KA01

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 103 / 2026 / PPN (TC)
The Provision Of Patient Care Assistant Services At The Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 14 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 15 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 16 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 17 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 18 / 2026 / PHARM
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
9 Jun 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
PPN / ASSET / BUUMM / CONTRACT / 2026 / 5 / 1
Term Contract (12) Months For Cleaning And Housekeeping Works Of The Law And Court Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PENERANGAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
(19) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Kerja – Kerja Pembersihan Karpet Di Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan

**Yuran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
4 Jun 2026,
Jam 8.00 Pagi

**Makluman Iklan Lanjutan Kenyataan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
(24) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Membekalkan Perkhidmatan Pembekalan Jamuan Secara Berkontrak Selama Satu (1) Tahun

**Yuran:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga:**
Khamis, 4 Jun 2026,
Jam 8.00 Pagi

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:**
06 / BBS / SH / 2026 – 2027
Fabricate, Supply, And Delivery Of Screen Partitions For Gerai Komplek Sri Selera Seria, Jalan Kemantin Seria

**Bilangan Tawaran Dan Keterangan Projek:**
11 / BBS / SH / 2026 – 2027
Kerja – Kerja Pembaikkan Bangunan Dewan Persidangan Kuala Belait, Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria, Jalan Mckerron, Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(***Non Refundable***)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN AUDIT**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
**AUD / BPK / UE / Q&T / 2026-2027 / 08**
**Existing, Installing, Commissioning And Testing PABX System At Jabatan Audit, Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Perkara:**
**UCM630A Grand Stream IP PBX 4FXO, 4 FXS, 1000 users, 150 concurrent calls, CDR, IVR, Voicemail, Email Notification, Call Queue, Voice Recording Function, UCMRC, GS Wave On Mobile App & Desktop Softphone -**

**Kuantiti:**
1
*Sunway SMG1000-D32S 32 FXS @ 5 nos

**Perkara:**
GWN7803P Enterprise Layer 2 + Managed PoE Network switch, 24 x GigE, 4 x SFP

**Kuantiti:**
1

**Perkara:**
GRP2624 4+4 lines. Gigabit, WIFI/BT, Color screen, works with GBX20 c/w Power Adapter - Operator level IP Phone

**Kuantiti:**
1

**Perkara:**
4. Installation, Testing & Commissioning charges

**Kuantiti:**
1

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Selasa, 23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 11 / 2026

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Sistem Hawa Dingin Di Bangunan Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Untuk Tempoh Dua (2) Tahun (2026)

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 12 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Sistem Hawa Dingin Di Rumah-Rumah F22, F23, F23A, F25, F29, F30 dan F31, Assarra

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 13 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Bagi Sistem 'DX Package Unit' dan 'Ducting' Di Rumah-Rumah A, B dan C, Assarra

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-ACM / 14 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Peralatan Hawa Dingin Di Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

---

جابتن تناݢ
JABATAN TENAGA

Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk memacu usaha tenaga mampan melalui pelaksanaan tenaga yang boleh diperbaharui dalam mempelbagaikan campuran tenaga Negara.

*Nota: Iklan ini bukan merupakan suatu tawaran daripada DOEPMO dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Dokumen Tawaran.*

## JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI TENDER (ITT)

Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam mempelawa syarikat-syarikat yang berkelayakan dan berpengalaman untuk mengemukakan cadangan bagi reka bentuk, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan sistem fotovolta suria (PV) atas bumbung yang bersambung ke grid di bangunan-bangunan kerajaan terpilih. Tujuan tender ini adalah untuk melantik kontraktor yang kompeten dan berkeupayaan untuk menyediakan tenaga yang boleh diperbaharui yang kukuh dari segi teknikal, kos efektif dan menepati masa, selaras dengan peralihan tenaga bersih dan komitmen kelestarian Negara Brunei Darussalam.

YURAN TENDER: BND1,000.00
[Tidak Dikembalikan]

YURAN DOKUMEN ELEKTRONIK (Pilihan): B$5.00

PROSEDUR PENDAFTARAN:
Syarikat yang berminat hendaklah mendaftar dengan DOEPMO melalui e-mel ke:
renewable.energy@energy.gov.bn

TARIKH PEMBUKAAN: 05 Mei 2026 (Selasa)

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TENDER:
09 Jun 2026 (Selasa) tidak lewat dari jam 03:30 petang (GMT +8.00)

TARIKH TUTUP: 23 Jun 2026 (Selasa) tidak lewat dari jam 02:00 petang (GMT +8.00)

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6007
Operational Ration To GSU Personnel Deployed On Operation Duties-Short Term Contract

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum **tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 8 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU / GSU / TA / 8010
Supply Of Dog Medicines For Gurkha Security Unit – One Year Contract

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, **iaitu Selasa, 9 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Rujukan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / NAU / DEN / TA / 02
Pembelian Peralatan Dan Kelengkapan Pergigian (Dental Treatment Equipment), Markas Khidmat Pergigian Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 16 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa 23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / TU / TA / 6005
Pembelian Bagi SD Cap Other Rank (6 Jenis) Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran iaitu **Selasa, 16 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI**

**Sebut Harga Bagi Membekalkan Barang Keperluan Pusat Latihan Kesenian Dan Pertukangan Tangan Brunei**

**Bilangan Rujukan Sebut Harga :**
25 / PLKPTB / 34 / 2026 / 1
Membekalkan Kain Cotton Watermark (Motif Bunga Putar)

**Nama Barang:**
Kain Cotton Watermark (Motif Bunga Putar)

**Jumlah Kain Yang Dipohonkan:**
200 Meter

**Tarikh Penutupan Sebut Harga:**
Selasa,
Jam 2.00 Petang,
23 Jun 2026

**JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JBT / S / 04 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja 'Supply, Installation And Maintenance Of Decorative Lightings' At Jalan Enche Awang Pekan Tutong

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JBT / S / 05 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Kecil Dan Mencat Baru Blok D (JKR 926) Di Kompleks Pasarneka Dan Tamu Tutong

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JBT / S / 06 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membina Tempat Pejalan Kaki Bagi Kegunaan Orang Kelainan Upaya [OKU] Dan Orang Ramai Di Kompleks Pasarneka Dan Tamu Tutong

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JBT / S / 07 / 2026 - 2027
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Kecil Dan Mencat Baru Blok (JKR 923) Di Kompleks Pasarneka Dan Tamu Tutong

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu, 10 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
JPKK / LTK2627 / T01-ADM
Rental of the Supply, Delivery and Installation Of Audio Visual Equipment and Related Accessories for The 2026 Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) Annual Meeting And Technical Assistance and Training Forum, Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup / Jam:**
Selasa, 9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Tempat Menghantar Tawaran:**
Peti Tawaran,
Lembaga Tawaran Kecil
Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Kewangan
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2026
Supply And Delivery Of Laboratory Consumables For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre, Department Of Fisheries

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0009 / 2026
Supply And Delivery Of Polymerase Chain Reaction Test Kits For Detection And Quantification Of Shrimp Viruses

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0008 / 2026
Supply And Delivery Of Lab Chemicals And Media For Aquatic Animal Health And Laboratory Services Centre Diagnostic Test

**Yuran Sebut Harga (Setiap Satu Tajuk):**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran**
JDT / UTS / HK-80 / 2026 / 12

**Tajuk Tawaran**
Jamuan Bagi Penuntut-Penuntut Sekolah Yang Menyertai Acara Pengibaran Bendera Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-80 Tahun 2026

**Yuran Tawaran**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
Isnin,
15 Jun 2026

**JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
02 / 2026-2027
Tawaran Khidmat Pengawal Keselamatan Seramai 4 Orang (2 Orang Per Shift) Selama 24 Jam Sehari Untuk Menjaga Bangunan Baru Bekas Telbru, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bagi Tempoh 1 Tahun

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
9 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 104 / 2026 / SSBH
The Provision Of Laundry Services For Ward And Clinic At Suri Seri Begawan (SSB) Hospital For A Period Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 105 / 2026 / UPP
The Provision Of Laundry Services For The Main Block (Including Emergency And Radiology Department) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran::**
KK / 106 / 2026 / UPP

**Keterangan:**
The Provision Of Laundry Services For The Women And Children Centre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND 50.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 107 / 2026 / UPP
The Provision Of Laundry Services For Operating Theatres (Main Block and Women And Children Centre) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 108 / 2026 / DSS (TC)
To Supply And Deliver Laboratory Supplies To Microbiology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK/109/2026/ESTETRIPASH(TC)
Term Contract For Waterproofing Works At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan atau Kementerian Kesihatan

**Kelas:**
II dan ke atas

**Kategori:**
B01, KA01 dan KPB02

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 110 / 2026 / ESTETRIPASH(TC)
Term Contract For Building Maintenance Works At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan atau Kementerian Kesihatan

**Kelas:**
III dan ke atas

**Kategori:**
B01 dan KA01

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 114 / 2026 / ESTETMOH
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigerant Air-Conditioning And Ventilation Exhaust For Brunei Muara District Services, Health Centres And Clinics For A Period Of One (1) Year

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

**Kelas:**
III dan ke atas

**Kategori:**
M01 and E01/E02

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 115 / 2026 / JPR (TC)
Transportation Services For Dialysis Centre In All Districts, Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 116 / 2026 / PPN (TC)
Supply And Delivery Of Medical Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 117 / 2026 / HTD
Cybersecurity Readiness And Risk Assessment For Bru-Hims And Bruhealth, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 118 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Reclining Dialysis Chair For Department Of Renal Services, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 119 / 2026 / UPP(TC)
The Supply, Delivery And Maintenance Of Hearing Aids For Audiology Services, Department Of Otorhinolaryngology (ORL), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 120 / 2026 / UPP (TC)
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Hematology Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 121 / 2026 / UPP
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Two (2) Units Of Clinical Microscopes For Pathology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 122 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Bedside Pulse Oximeter Monitor, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 123 / 2026 / HTD
Supply, Delivery, Installation, Testing, And Commissioning Of Dual User Grossing Station For Histology Lab, Department Of Laboratory Services Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Dan Keterangan Tajuk Tawaran:**
KK / 124 / 2026 / LAB (TC)
To Supply And Deliver Elisa Testing Reagent Kits, Accessories, Consumables With Equipment Rental For National Immunology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND500.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
05 / 2026 / KKBS / PPB / 03
Kontrak Penggal 12 Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Basah Bagi Latihan Praktikal Kursus Kemahiran Seni Kulinari Dan Bankuet Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Brunei Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
05 / 2026 / KKBS / PPB / 04
Kontrak Penggal 12 Bulan Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Kering Bagi Latihan Praktikal Kursus Kemahiran Seni Kulinari Dan Bankuet Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan Belia Dan Sukan Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
05 / 2026 / KKBS / PPB / 02
Twentyfour (24) Months Term Contract For General Pest Control Services To Youth Development Centre Premise / Compound, Ministry Of Youth, Culture And Sport, Tanah Jambu Main Road, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## PUSAT SEJARAH BRUNEI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
2 / MEI / 2026 / PSB / PD.575
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku, Jurnal Dan Majalah Terbitan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 11 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERDANA MENTERI

**Jabatan Perkhidmatan Pengurusan Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan Rujukan dan Tajuk Sebut Harga:**
JPP / 1 / 3 / 16 / 1 / 26-27
Penerbitan Video dan Grafik bagi Pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-33, Tahun 2026

**Bilangan Rujukan dan Tajuk Sebut Harga:**
JPP / 1 / 3 / 16 / 2 / 26-27
Pembuatan & Merekabentuk Piala bagi Pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-33, Tahun 2026

**Yuran Sebut Harga (E-dokumen):**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 33 / 26 - 27
Supply, Delivery, Installation, Testing & Commissioning Of Fiber Optic Network Enhancement Along Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 35 / 26 - 27
Supply, Fabricate, Install & Dismantle Neon Tube Light On Platform; Transporting, Install & Dismantle Of Acrylic Flooring Sheets; Fabricate & Supply Custom Trophies For TV Programme.

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 36 / 26 - 27
Pembuatan, Pembekalan, Pemasangan Dan Pembongkaran Backdrop Set Serta Penyewaan Skrin LED

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 37 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Unit Kanak-Kanak, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 38 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 39 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 40 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bayaran Yuran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
10 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
RTB / 01 / 2026
The Leasing Of High-Performance Graphic Editing Computer Workstations With Related Software And Services For Radio Television Brunei For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 petang

**Notis Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
RTB / K / 21 / 26-27
Percetakan Dan Pembekalan Custom Designed Pen Dan Custom Designed Fan With Pouch Untuk Cenderamata Responden Kajian

**Bayaran Yuran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**MOE / LTK / 20 / 2026 / 2027 (JPPE-JUN-2026)**
Three Years Term Contract For Treatment And Extermination Of Termites To Primary Schools, Secondary Schools And Offices In Tutong District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

**Kelas:**
Tidak Terhad
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori:**
KPB05

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Membeli Dokumen Tawaran:**
Sabtu,
17 Jun 2026

**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0011 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply And Delivery Raw Sea Water Pump At Keramut Seawater Pump Station, Tutong, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0012 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Replace, Supply And Install Outboard Motor And Related Accessories For Boat Tangat BG0279, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0013 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Supply And Delivery Raw Sea Water To Serasa Pump Station, Pantai Serasa, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0014 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
General Repair Works At Bunglow House No.F12, Jalan Pahlawan, Department Of Fisheries

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0015 / 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Supply And Delivery Of Personal Protective Equipment (PPE) For Marine Resources Survey

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
11 Jun 2026

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
Selasa,
23 Jun 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6009
Pembelian Peak Cap RMN White & Hat Service Female Officer Untuk Kegunaan Pegawai-Pegawai Lelaki & Wanita Tentera Laut Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 22 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
30 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6006
Purchase Of Uniform And Accessories/Clothing For Gurkha Other Rank (Gor) Recruitment 2026

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah **seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 22 Jun 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
30 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri**

**Jawatan Kosong:**
**Pejabat Serantau (Regional Office) Di Sekretariat Agung OIC, Somalia**

**Jawatan:**
Director-General

**Tarikh Tutup:**
Jumaat,
5 Jun 2026

# MELAKSANAKAN IBADAH KORBAN DIDIK NILAI PENGORBANAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar**

**KAMPUNG SUNGAI BESAR**, Isnin, 1 Jun. - Ibadah korban menjadi platform penting dalam mengukuhkan hubungan silaturahim serta mengekalkan budaya saling membantu dan bekerjasama dalam masyarakat yang bermuafakat.

Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Awang Damit berkata ibadah korban mengajar nilai pengorbanan, keikhlasan dan keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.

Menurutnya, pengagihan daging korban kepada keluarga yang kurang berkemampuan merupakan manifestasi semangat kebersamaan dan kasih sayang yang menjadi teras kehidupan bermasyarakat.

"Saya berasa bangga kerana majlis *kitani* pada pagi ini menjadi medan untuk memperkukuhkan perpaduan penduduk kampung di mana generasi muda dapat melihat sendiri bagaimana semangat gotong-royong diamalkan dan diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain," katanya pada Majlis Ibadah Korban Kampung Sungai Besar yang berlangsung di pekarangan Masjid Kampung Sungai Besar, baru-baru ini.

Beliau yang juga Penasihat I Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Besar berharap ibadah tersebut dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang kerana ia memberi impak positif kepada keharmonian dan kesejahteraan masyarakat.

"Ibadah korban ini perlu dikekalkan dan diperkasakan pada masa hadapan kerana manfaatnya bukan sahaja dirasai oleh penerima korban, malah mampu membina sebuah komuniti yang bersatu padu dan prihatin," jelasnya.

Pada tahun ini, sejumlah lima ekor kerbau telah dikorbankan dengan penyertaan seramai 35 peserta atau bahagian bagi kampung berkenaan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian daging korban kepada peserta ibadah korban ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini turut mengagihkan daging korban kepada balu, ibu tunggal, golongan asnaf dan mereka yang kurang berkemampuan.

Sementara itu, Awang Haji Mohidin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, selaku Penasihat AJKT Masjid Kampung Sungai Besar, menyampaikan daging korban kepada orang ramai manakala penyampaian daging korban kepada penerima wanita pula telah disempurnakan oleh isteri kepada Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Dayang Hajah Jamaliah binti Juini.



**PENGHULU Mukim Kota Batu, bersama Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut semasa menyampaikan daging korban kepada para penerima.**



**SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Ibadah Korban Kampung Sungai Besar.**







Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

## Pucuk Paku Masak Lemak Tempoyak

## Kampung Mungkom Kiudang

**BAHAN-BAHANNYA :**
2 ikat pucuk paku
1 mangkuk kecil tempoyak
3 ulas bawang merah
3 ulas bawang putih
1 mangkuk kecil udang saiz sederhana
Garam dan serbuk perasa dengan sukatan yang sesuai
Air

**CARA-CARA MEMASAKNYA :**
Bersihkan pucuk paku. Ambil daunnya dan patahkan batang yang lembut. Tumbuk atau kisar bahan-bahan seperti bawang merah, bawang putih. Masukkan sedikit minyak. Panaskan kuali dan tumis bahan tumbuk atau kisar tadi. Masukkan juga asam keping. Masukkan daun pucuk paku dan tambah 2 cawan air untuk lembutkan daun.
Bila sudah mendidih, masukkan udang yang sudah dikopek kepalanya. Kacau dengan api perlahan. Masukkan tempoyak mengikut kesukaan. Perasakan lemak pucuk paku dengan garam, serbuk perasa. Tutup api, biarkan seketika. Sedia untuk dihidang.



# Kesedaran sivik platform kesejahteraan awam

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**
**Foto : Jabatan Penerangan**

KESEDARAN sivik boleh ditakrifkan sebagai rasa sedar yang mendalam dan berterusan serta muncul dari hati seseorang atas dasar tanggungjawab untuk memelihara hak dan kepentingan awam. Kesedaran sivik akan menjadikan seseorang individu itu warganegara yang ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kepentingan awam untuk dikongsi bersama.

Dalam era globalisasi ini, kemajuan teknologi dan perubahan sosial telah membawa pelbagai cabaran terhadap pembentukan nilai murni sesebuah masyarakat terutama dalam kalangan remaja. Kesedaran sivik merupakan asas penting untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, beretika dan peka terhadap isu masyarakat.

Justeru boleh dikatakan kesedaran sivik adalah pemahaman dan penghayatan peranan serta tanggungjawab seseorang sebagai warganegara. Ia seharusnya ada dalam diri setiap individu dan perlu dipupuk, dibajai dan dibudayakan. Oleh itu, mewujudkan kesedaran sivik adalah usaha bersama yang membabitkan individu itu sendiri selain keluarga, sekolah, sistem pendidikan dan masyarakat sekitarnya.

Hari ini kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat semakin terhakis hinggakan mereka tidak tahu tanggungjawab terhadap orang lain. Ia boleh dilihat menerusi banyak kes membabitkan sikap suka membuang sampah merata-rata dan merosakkan harta benda awam. Mereka tidak mempunyai rasa tanggungjawab dan cenderung untuk melakukan kerosakan dengan sengaja. Ini sebahagian contoh yang menunjukkan sebahagian orang *kitani* mempunyai kesedaran sivik yang rendah. Mereka berbuat sesuka hati tanpa memikirkan keselamatan dan hak orang lain. Sedangkan mereka seharusnya menjaga harta benda dengan baik supaya ia dapat digunakan untuk jangka masa lama.

## Program pendidikan awam

Selain itu, kesedaran sivik boleh ditingkatkan dengan mengadakan program pendidikan awam seperti seminar, ceramah dan dialog. Ini termasuk perkara seperti demokrasi, hak asasi manusia, kebersihan awam dan perbandingan budaya. Pembabitan masyarakat terhadap kebajikan bersama perlu ditingkatkan melalui aktiviti komuniti seperti gotong-royong, program sukarelawan dan acara masyarakat.

Menggabungkan kesedaran sivik dalam pendidikan keluarga juga adalah penting kerana anak harus diajar mengenai kesedaran sivik sejak kecil. Keluarga mesti mengajar anak prinsip moral, tanggungjawab terhadap masyarakat dan cara bertindak dengan baik serta menjaga alam sekitar.

Membangunkan kesedaran sivik dalam masyarakat memerlukan kerjasama yang erat daripada pelbagai pihak. Semua orang harus sedar bahawa pendidikan sivik tidak sepatutnya hanya diajar dalam bilik darjah sebagai teori tanpa dilaksanakan dalam dunia sebenar.

Untuk kebaikan bersama, kesedaran sivik mesti ditanam dalam diri setiap orang. Malah, sebagai rakyat yang hidup dalam negara berbilang puak, tabiat ini akan menjadi wadah untuk saling menghormati, sekali gus membolehkan kita menjalani kehidupan sejahtera lagi harmoni.

Golongan remaja perlu dididik bahawa harta dan persekitaran harus dihormati dan disayangi serta dijaga umpama ia adalah milik peribadi. Ia tidak seharusnya dirosakkan supaya dapat digunakan dalam jangka masa panjang dan bermanfaat kepada orang lain. Mereka perlu diingatkan bahawa harta benda awam adalah hak bersama dan menjadi kewajipan bersama untuk menjaga dan memeliharanya.

Dalam suasana Hari Raya Aidiladha yang baru saja kita raikan, ia bukan sekadar perayaan, tetapi juga waktu untuk menonjolkan kesedaran sivik dalam masyarakat. Antara ciri-ciri kesedaran sivik yang dapat dilihat semasa sambutan ini ialah :

**Masyarakat yang bergotong-royong :** Menguruskan aktiviti korban secara bersama, dari penyediaan tempat hingga pengagihan daging, menunjukkan semangat kerjasama dan tanggungjawab sosial.

**Golongan kurang mampu mendapat perhatian dan pemedulian orang ramai :** Daging korban diagihkan kepada fakir miskin dan jiran tetangga, melatih masyarakat untuk prihatin dan adil dalam berkongsi rezeki. Justeru kesedaran sivik perlu diamalkan serta diperkukuhkan lagi untuk membentuk masyarakat yang harmoni.

**Kebersihan dan keselamatan :** Menjaga kebersihan kawasan sembelihan serta memastikan proses korban dilakukan mengikut syarat halal dan piawaian keselamatan. Satu perkara yang membanggakan apabila golongan belia tidak 'camah mata' dengan sama-sama ikut serta dalam aktiviti majlis korban.

**Menghormati peraturan agama dan undang-undang :** Mematuhi garis panduan pihak berkuasa agama dan kesihatan, serta memastikan aktiviti korban tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat sekitar.

**Mengukuhkan silaturahim :** Ziarah-menziarahi, saling bermaaf-maafan, dan berkongsi makanan mempererat hubungan antara keluarga, jiran, dan masyarakat.

**Kesedaran ekologi :** Mengurus sisa sembelihan dengan baik, tidak mencemarkan alam sekitar, serta menggunakan sumber secara berhemah.

Kesedaran sivik ini menjadikan Aidiladha bukan sekadar ibadah korban, tetapi juga wadah membentuk masyarakat yang bertanggungjawab, bersatu, dan berakhlak mulia.

Kesimpulannya, kesedaran sivik dalam masyarakat yang harmoni adalah asas kepada kehidupan bersama yang aman dan sejahtera. Ia bukan sekadar amalan ketika perayaan seperti Aidiladha, tetapi menjadi budaya harian yang membentuk jati diri masyarakat. Masyarakat yang harmoni lahir apabila warganya mengamalkan kesedaran sivik dalam setiap aspek kehidupan : daripada ibadah, perayaan hingga kepada interaksi harian.



# LAWATAN TIMBA ILMU PENGETAHUAN




**ROMBONGAN seramai 20 orang belia dan beliawanis dari Kampung Ukong, Tutong yang diketuai oleh Ketua Biro Belia Majlis Perundingan Kampung Ukong telah dibawa melawat ke Biro Kawalan Narkotik, Kiarong (atas) dan Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja di Bandar Seri Begawan (kanan dan bawah).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Biro Belia Majlis Perundingan Kampung Ukong**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Jun. - Seramai 20 orang belia dan beliawanis dari Kampung Ukong, Tutong hari ini mengadakan lawatan sempena cuti sekolah penggal kedua anjuran Biro Belia Majlis Perundingan Kampung (MPK) Ukong.



Hadir mengetuai rombongan ialah Ketua Biro Belia MPK Ukong, Awang Md. Subhi bin Haji Julaihi.

Lawatan dimulakan dengan para peserta menyertai taklimat daripada Divisyen Pendidikan Pencegahan Dadah, bertempat di Biro Kawalan Narkotik, Kiarong pada sesi pagi.

Ia antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai bahaya pengaruh dadah serta kesan buruknya terhadap kesihatan, moral, mental, keluarga dan lain-lain.

Selain itu, lawatan juga bertujuan untuk menanamkan perasaan insaf dalam hati para belia tentang hukuman, rawatan dan pemulihan akibat pengaruh dadah.

Pada sesi petang pula, rombongan dibawa melawat Hab



Tenaga Brunei Dermaga Diraja di Bandar Seri Begawan.

Di sana, para belia dan beliawanis berpeluang menimba sedikit sebanyak ilmu pengetahuan mengenai sejarah awal perindustrian minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam serta beberapa pameran yang lain.

Lawatan ini juga merupakan satu aktiviti pengisian bagi mengisi masa terluang belia-belia khususnya belia Kampung Ukong di musim cuti sekolah.

Secara tidak langsung, aktiviti ini turut mendidik belia serta menyokong industri pelancongan Negara Brunei Darussalam.




# PPDB berjaya tumpaskan aktiviti perjudian



**OPERASI berkenaan berjaya menumpas satu kegiatan yang dipercayai melibatkan permainan 'Pai Gou' dan 'Lami' (atas dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Jun. - Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat (USPPPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah berjaya menumpaskan satu kegiatan perjudian yang dipercayai melibatkan permainan 'Pai Gou' dan 'Lami' di sebuah rumah di Kampung Sungai Tilong.

Operasi berkenaan telah dijalankan kira-kira jam 10.30 malam baru-baru ini dan diketuai oleh Pemangku Ketua USPPPM, JSJ, bersama beberapa orang anggota USPPPM, JSJ.

Hasil operasi berkenaan, seramai 34 suspek telah ditahan, melibatkan 18 lelaki dan 16 wanita berusia antara 32 tahun hingga 84 tahun. Suspek terdiri daripada warganegara tempatan dan warga asing berbangsa Melayu dan Cina.

Turut dirampas dalam operasi berkenaan ialah wang tunai berjumlah BND43,192.77 yang dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti perjudian berkenaan.

Kesemua suspek bersama barang-barang rampasan telah dibawa ke USPPPM, JSJ bagi tujuan siasatan dan tindakan lanjut.

Kes berkenaan akan disiasat di bawah Akta Rumah-rumah Perjudian Terbuka Penggal 28 (Common Gaming Houses Act, Chapter 28). Di bawah akta berkenaan, mana-mana individu yang menganjurkan, mengendalikan atau didapati berada di premis yang digunakan bagi tujuan perjudian boleh

**Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei**



dikenakan tindakan undang-undang jika sabit kesalahan.

PPDB akan terus mempergiatkan usaha penguatkuasaan dalam membanteras sebarang aktiviti perjudian yang menyalahi undang-undang demi memastikan keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat sentiasa terpelihara.

Orang ramai juga diseru untuk terus menyalurkan maklumat berkaitan kegiatan jenayah kepada pihak polis bagi membantu usaha pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang di negara ini.

# PELUANG MENEROKA KERJAYA INDUSTRI KECANTIKAN SECARA PROFESIONAL

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Dayang Asmah Abdul Wahab



**SUASANA Bengkel Gua Sha Wajah yang diadakan pada 30 hingga 31 Mei 2026 yang telah mengambil tempat di Hab Belia dan Hab Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 1 Jun. - Seramai 20 peserta kaum hawa telah memanfaatkan masa lapang mereka dengan menyertai Bengkel Gua Sha Wajah yang dikendalikan oleh Qasmah Enterprise (Qas Beauty) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) selama dua hari bermula 30 hingga 31 Mei 2026 bertempat di Hab Belia dan Hab Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Bengkel Gua Sha Wajah berkenaan merupakan salah satu pengisian menarik semasa berlangsungnya acara IN:Stall x YDC : Glow-up 2026 anjuran PPB, KKBS, dengan kerjasama Future Brands Group.

Acara berkenaan sebagai sebuah platform *pop-up* kecantikan, kesenian dan gaya hidup yang telah berlangsung selama lima hari bermula pada 27 hingga 31 Mei 2026.

Bengkel berkonsepkan kecantikan dan kesihatan wajah berkenaan telah disampaikan oleh Terapi Kecantikan, Qas Beauty, Dayang Asmah binti Abdul Wahab dengan dibantu oleh beberapa ahli terapi kecantikan yang lain.

Semasa berkesempatan ditemu bual bersama Pelita Brunei, Dayang Asmah antaranya menjelaskan, 'gua sha' merupakan teknik Traditional Chinese Medicine (TCM) yang digunakan untuk merangsang peredaran darah, mengurangkan ketegangan otot dan meningkatkan kesihatan kulit wajah.

Dalam konteks kecantikan moden tambahnya, teknik berkenaan membantu menaikkan seri wajah, melancarkan peredaran darah dan memulihkan keanjalan kulit secara semula jadi.

"Melalui bengkel ini, para peserta didedahkan kepada rawatan kecantikan holistik yang selamat dan beretika, khususnya teknik 'gua sha', sekali gus menyokong aspirasi pemerkasa dan pembangunan modal insan yang berkemahiran, berkualiti serta berdaya saing, malah membuka ruang kepada masyarakat kita untuk membina keyakinan diri serta meneroka peluang kerjaya dan keusahawanan dalam industri kecantikan secara profesional," ujarnya.

Dengan pelaksanaan bengkel berkenaan, Dayang Asmah juga menaruh harapan agar lebih ramai masyarakat kita termasuklah golongan belia negara ini akan berkecimpung atau menceburi bidang kecantikan secara profesional dan berinovasi dalam industri yang berkembang pesat ini.






# SOALAN 174 ALAI PINTAR

## SOALAN 3 JUN 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Pilih perkataan sinonim dengan perkataan 'cerdik'.
   a) malas
   b) degil
   c) bijak
2. 6,408 + 3,592 = _________.
   a) 10,000
   b) 9,000
   c) 500
3. Negara Brunei Darussalam terbahagi kepada berapa buah daerah?
   a) 4 daerah
   b) 10 daerah
   c) 5 daerah

TARIKH TUTUP : 13 JUN 2026

## HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

## SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
   - **Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama,Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan**
   - **Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.**
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 7293554** atau emel ke **pelita.brunei@information.gov.bn**
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama : ..........
Tarikh Lahir : ..........
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..........
Sekolah : ..........
Tahun : ..........
Alamat : ..........
..........
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..........

## PEMENANG ALAI PINTAR 173 :

Nama : Nur Hana Humeira binti Haji Muhd. Hafiz
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0146880-01. Sekolah : Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak

Nama : Muhammad Airrey Rayyqal bin Muhammad Lirry Mikail
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0151580-01. Sekolah : Sekolah Rendah Bukit Udal Tutong

Nama : Muhammad Adam Muqri bin Mohd. Hamjah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125895-01. Sekolah : Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah Rimba

## JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 173

1. A – 6 ayat
2. A – 15
3. A – Mengapa kamu menangis?

BERITA GLOBAL

# HANWHA AEROSPACE GANTUNG SEBAHAGIAN OPERASI KILANG DAEJEON SUSULAN LETUPAN BAWA MAUT

**SEOUL**, 2 Jun. - Hanwha Aerospace Co. dari Republik Korea, anak syarikat pertahanan di bawah Hanwha Group, berkata pada Selasa bahawa syarikat itu menggantung sebahagian pengeluaran di kemudahan Daejeon selepas berlaku letupan di kilang berkenaan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Dalam pemakluman kepada pihak kawal selia, pengeluar senjata itu berkata pihaknya diarahkan oleh pihak berkuasa buruh supaya menghentikan operasi di kemudahan itu, susulan kemalangan serius di tempat kerja di bawah undang-undang keselamatan pekerjaan Republik Korea.

Letupan itu mengorbankan lima orang dan mencederakan dua lagi, manakala polis melancarkan siasatan bersama bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian.

Pegawai Hanwha berkata ketika letupan berlaku, pekerja sedang membersihkan sisa serbuk propelan daripada peralatan yang digunakan dalam pengeluaran sistem pendorongan.

Penyiasat merancang untuk mengenal pasti punca pencucuhan dan meneliti sama ada bahan mudah terbakar berada di lokasi kejadian.

Kilang Daejeon merupakan kemudahan pertahanan utama dan ditetapkan sebagai kilang pertahanan rahsia.

Ia menghasilkan pelbagai sistem senjata, termasuk pelancar roket berganda Chunmoo dan peluru berpandu darat ke udara jarak jauh (L-SAM).

Menurut syarikat itu, barisan pengeluaran yang terjejas menjana pendapatan 1.32 trilion won (US$870 juta) tahun lepas, iaitu 4.94 peratus daripada keseluruhan pendapatan Hanwha Aerospace sebanyak 26.7 trilion won. - ©BERNAMA

## Tenaga angin pacu cita-cita ekonomi hijau Republik Sosialis Viet Nam di Asia Tenggara

**PHNOM PENH**, 2 Jun. - Kerajaan Republik Sosialis Viet Nam sedang melaksanakan dasar tegas untuk mempercepat pembangunan tenaga angin di darat bagi meningkatkan bekalan tenaga boleh diperbaharui ketika negara itu memperluas penggunaan tenaga hijau.

Peralihan negara Asia Tenggara itu kepada tenaga boleh diperbaharui amat penting bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat untuk memacu sektor perindustrian, selain mengurangkan kebergantungan terhadap import arang batu dan gas.

Pada masa sama, Republik Sosialis Viet Nam berusaha mengurangkan pencemaran daripada loji janakuasa arang batu, melindungi kualiti udara bandar dan beralih kepada ekonomi rendah karbon yang menyokong hampir 100 juta penduduk.

Permintaan elektrik terus meningkat. Menurut media tempatan, penggunaan elektrik Republik Sosialis Viet Nam melebihi satu bilion kilowatt-jam pada Mei berikutan cuaca yang semakin panas, sekali gus mencetuskan kebimbangan pihak berkuasa.

Bagi menangani peningkatan permintaan tenaga, Pelan Pembangunan Tenaga Nasional Viet Nam 2021-2030 menggariskan pembangunan tenaga angin darat, pesisir pantai dan luar pesisir, serta tenaga solar khususnya solar permukaan air sebagai elemen utama untuk memperkukuh keselamatan tenaga negara.

"Viet Nam wajar mempertimbangkan integrasi tenaga angin luar pesisir dan hidrogen sebagai penyelesaian strategik untuk menjamin keselamatan tenaga sambil mengurangkan pelepasan gas rumah hijau," kata Dr. Du Van Toan dari Institut Meteorologi, Hidrologi, Alam Sekitar dan Sains Marin seperti dilaporkan Vietnamplus pada Ahad.

Tenaga angin kini muncul sebagai tonggak strategik dalam agenda peralihan tenaga Republik Sosialis Viet Nam, disokong oleh bahan api seperti hidrogen hijau.

Tenaga boleh diperbaharui ketika ini menyumbang kira-kira 26 peratus daripada campuran penjanaan tenaga Republik Sosialis Viet Nam, namun pihak berkuasa menjangkakan angka itu meningkat kepada 36 peratus menjelang 2030 sebagai sebahagian daripada agenda transformasi hijau negara.

Laporan World Bank bertajuk "Next Steps for Advancing Viet Nam's Offshore Wind Journey" yang diterbitkan tahun lalu menyatakan Republik Sosialis Viet Nam mempunyai sumber tenaga angin luar pesisir yang besar berhampiran pantainya, hasil garis pantai yang panjang dan keadaan angin yang menggalakkan.

Terletak di bahagian timur Semenanjung Indochina, Republik Sosialis Viet Nam memiliki garis pantai sepanjang 3,260 kilometer di sepanjang Laut China Selatan dan Teluk Thailand yang menerima tiupan angin monsun kuat, sekali gus sesuai untuk pembangunan sektor itu.

"Tenaga angin luar pesisir menawarkan peluang strategik kepada Viet Nam untuk mempelbagaikan campuran tenaga, memperkukuh keselamatan tenaga dan menyokong pertumbuhan mampan," kata Pengarah Bahagian Bank Dunia bagi Republik Sosialis Viet Nam, Kemboja dan Republik Demokratik Rakyat Lao, Mariam J. Sherman ketika pelancaran laporan itu tahun lalu.

Republik Sosialis Viet Nam menyasarkan penjanaan 6,000 megawatt (MW) tenaga angin luar pesisir menjelang 2030, meningkat kepada 15,000 MW pada 2035 dan 139,000 MW menjelang 2050.

Menurut Vietnamplus, jumlah itu akan mewakili antara 20 hingga 25 peratus daripada keseluruhan kapasiti penjanaan elektrik terpasang negara. - ©BERNAMA

## 12 maut bangunan dalam pembinaan runtuh di Republik Filipina

**MANILA**, 1 Jun. - Angka kematian akibat runtuhan bangunan dalam pembinaan di Angeles City, wilayah Pampanga, utara Republik Filipina, meningkat kepada 12 selepas penyelamat menemui satu lagi mayat pada awal pagi Isnin, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Struktur itu runtuh sejurus sebelum 3 pagi pada 24 Mei ketika pekerja pembinaan sedang tidur, memerangkap puluhan di bawah puing.

Pasukan penyelamat mengesan sekurang-kurangnya lapan orang yang masih hilang ketika operasi mencari dan mengeluarkan mangsa memasuki hari kelapan. - ©BERNAMA

## Pertahanan udara pintas serangan peluru berpandu, dron – Tentera Kuwait

**ISTANBUL**, 1 Jun. - Tentera Kuwait memaklumkan pada awal Isnin, sistem pertahanan udara negara itu memintas serangan peluru berpandu dan dron musuh selepas siren dibunyikan dan amaran kecemasan dikeluarkan di seluruh negara, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menurut Markas Besar Angkatan Tentera Kuwait dalam satu kenyataan, sebarang bunyi letupan yang kedengaran di seluruh negara adalah daripada sistem pertahanan udara yang menangani ancaman. Pasukan tentera menggesa penduduk supaya mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

Terdahulu, amaran kecemasan yang dihantar ke telefon bimbit memaklumkan "bahaya akan berlaku" dan mengarahkan orang ramai supaya kekal di lokasi selamat serta mematuhi tingkap dan kawasan terdedah.

Amaran itu dikeluarkan oleh Pertahanan Awam Kuwait di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Laporan tempatan berkata bunyi aktiviti pertahanan udara boleh didengari di sekitar kawasan Jahra, barat Kuwait City.

Pihak berkuasa setakat ini belum mengeluarkan butiran mengenai punca serangan peluru berpandu dan dron yang dilaporkan, dan tiada sebarang laporan segera mengenai kematian atau kerosakan. - ©BERNAMA

## 4 cedera diserang beruang di timur laut Jepun

**FUKUSHIMA**, 2 Jun. - Empat individu cedera akibat serangan beruang di timur laut Jepun pada Selasa, namun kesemua mereka masih sedarkan diri ketika dihantar ke hospital, lapor Kyodo News memetik pihak berkuasa tempatan.

Kira-kira 6.30 pagi waktu tempatan, jabatan bomba menerima panggilan daripada sebuah syarikat pembuatan keluli di bandar Fukushima yang melaporkan seekor beruang menyerang dua pekerja lelaki, masing-masing berusia 20-an dan 60-an.

Beruang itu kemudian melarikan diri ke kawasan kediaman berhampiran, sebelum menyerang seorang wanita berusia 80-an di sebuah rumah dan seorang lelaki berusia 60-an di bangunan pejabat lain.

Beruang berkenaan dipercayai masih berada di kawasan itu. Polis tempatan sedang mempertimbangkan untuk mengisytiharkan darurat bagi membolehkan haiwan itu ditembak. Laporan mengenai kelibat beruang diterima sejak petang Isnin.

Serangan itu berlaku di premis syarikat Fukushima Steel Works Co. dan kawasan kediaman yang terletak kira-kira tiga kilometer di barat laut Stesen JR Fukushima. - ©BERNAMA

## Surat mencurigakan dihantar kepada Puteri Norway di Universiti Sydney

**SYDNEY**, 1 Jun. - Seorang lelaki warga Australia dilarang daripada menghubungi Puteri Ingrid Alexandra dari Norway, yang kini sedang menuntut di Sydney, selepas polis memintas seutas surat mencurigakan yang dihantar ke kampusnya, memetik laporan media Norway pada Ahad oleh Agensi Berita Jerman (dpa).

Agensi berita Norway, NTB melaporkan bahawa kakitangan keselamatan yang bertugas untuk puteri berkenaan telah memintas surat yang dialamatkan kepadanya.

Puteri Ingrid Alexandra, 22, kini sedang mengikuti pengajian dalam bidang hubungan antarabangsa dan ekonomi politik di Universiti Sydney.

Agensi perisikan domestik Norway, PST mengesahkan insiden itu kepada penyiar awam negara itu.

Pihak penyiasat memaklumkan bahawa langkah-langkah keselamatan telah diambil dengan kerjasama pihak berkuasa Australia, tanpa memberikan butiran lanjut.

Lelaki berusia 63 tahun itu dilaporkan oleh media tempatan sebagai seorang warganegara Australia.

Menurut NTB, beliau telah diminta untuk hadir ke mahkamah pada Rabu ini berhubung insiden berkenaan. - ©BERNAMA

## Penduduk Australia mencecah 28 juta

**CANBERRA**, 2 Jun. - Penduduk Australia mencecah 28 juta pada hari Selasa, menurut biro statistik negara.

Biro Perangkaan Australia (ABS) menganggarkan, berdasarkan trend pertumbuhan, bahawa penduduk negara itu mencecah 28 juta sekitar jam 6 pagi Waktu Piawai Timur Australia pada hari Selasa, dua tahun selepas penduduk melepasi 27 juta orang pada tahun 2024.

Menurut ABS, secara purata, seorang individu tiba dari luar negara untuk tinggal di Australia setiap 59 saat dan terdapat satu kelahiran setiap dua minit 16 saat.

Ia menganggarkan bahawa terdapat satu kematian setiap tiga minit 33 saat dan seorang penduduk meninggalkan Australia untuk tinggal di luar negara setiap dua minit 35 saat.

ABS meramalkan bahawa penduduk akan mencecah 30 juta pada tahun 2031.

ABS akan menjalankan banci nasional pertama sejak 2021 pada bulan Ogos. - ©XINHUA

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# PASUKAN NBD TEWAS KEPADA TIMOR-LESTE, 0 - 3



**ANTARA aksi para pemain pada perlawanan timbal balik pertama dalam saingan kelayakan *playoff* Piala Hyundai ASEAN 2026 (kanan dan kanan sekali).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

**BERAKAS**, Selasa, 2 Jun. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam terpaksa akur selepas tewas 0 - 3 kepada pasukan Republik Demokratik Timor-Leste pada perlawanan timbal balik pertama dalam saingan kelayakan *playoff* Piala Hyundai ASEAN 2026 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Babak pertama menyaksikan Republik Demokratik Timor-Leste mendahului perlawanan 0 - 1 menerusi jaringan João Rangel selepas rembatannya menewaskan penjaga gol Brunei, Awang Haimie Abdullah Nyaring pada minit ke-27.

Dengan berbaki dua minit sebelum separuh masa pertama tamat, pasukan Republik Demokratik Timor-Leste menggandakan jaringan melalui sepakan penalti yang dijaringkan oleh Zenevio Mota selepas Awang Haziq Kasyful Azim dilayangkan kad merah oleh pengadil, Awang Ahmad A'Qashah.

Pada minit ke-92, Oatnasio da Silva memastikan pasukan Republik Demokratik Timor-Leste menamatkan perlawanan dengan kemenangan selesa menerusi jaringan ketiga.

Perlawanan timbal balik kedua akan berlangsung pada Selasa, 9 Jun 2026 bertempat di Kuala Lumpur, Malaysia.

# Memupuk semangat kerjasama, perpaduan, kekeluargaan dalam komuniti



**SAMBUTAN Hari Keluarga dan Kempen Membersihkan Taman Riadah Tasik Sarubing anjuran Majlis Perundingan Kampung Belimbing dengan kerjasama Pasukan Gurkha serta TN9 Event & Apparel Management merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan keindahan kawasan awam.**

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Belimbing**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 2 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing dengan kerjasama Pasukan Gurkha serta TN9 Event & Apparel Management baru-baru ini telah menganjurkan Sambutan Hari Keluarga dan Kempen Membersihkan Taman Riadah Tasik Sarubing yang berlangsung di Taman Riadah Tasik Sarubing, Kampung Belimbing.

Program berkenaan diadakan adalah sebagai usaha mengeratkan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung di samping memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan kekeluargaan dalam komuniti setempat.

Selain itu, program berkenaan bertujuan untuk menggalakkan amalan gaya hidup sihat menerusi pelbagai aktiviti riadah dan sukan yang melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat.

Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang sambutan berkenaan termasuk sukan ria, aktiviti riadah, senaman pagi serta pertandingan mewarna bagi kanak-kanak. Aktiviti-aktiviti berkenaan bukan sahaja memberi peluang kepada peserta untuk beriadah, malah turut mengukuhkan hubungan kemasyarakatan dalam suasana yang harmoni dan ceria.

Sementara itu, Kempen Membersihkan Taman Riadah Tasik Sarubing yang diadakan bersempena program berkenaan memberi tumpuan kepada kerja-kerja pembersihan kawasan taman, pengutipan sampah di sekitar tasik, pembersihan kawasan tempat duduk dan laluan pejalan kaki serta usaha membaik pulih jambatan yang rosak di kawasan riadah berkenaan.

Kempen berkenaan merupakan salah satu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan keindahan kawasan awam, di samping menjadikan Taman Riadah Tasik Sarubing sebagai lokasi rekreasi yang bersih, selesa dan kondusif untuk kegunaan masyarakat.

Penganjuran program seumpama berkenaan diharap akan terus memperkukuh semangat kebersamaan dalam kalangan penduduk Kampung Belimbing serta memupuk rasa tanggungjawab bersama dalam menjaga kesejahteraan dan kebersihan persekitaran demi manfaat generasi masa kini dan akan datang.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSEDEKAH DAPAT MEMBUKA PINTU REZEKI, MENGHAPUS DOSA, MENINGKATKAN IMAN